

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 6
HINGGA 71)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN**

KEDUA BELAS (2012)

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

[HULU LANGAT]

**TARIKH
SOALAN**

15 MAC 2012

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sumbangan besar kepada negara dari Kajian Kutub.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Antartika merupakan benua kelima terbesar. Sebanyak 98 peratus kawasannya diliputi ais dan mempunyai biodiversiti yang unik serta kaya dengan sumber mineral. Ciri-ciri ini menjadikan benua ini makmal semulajadi bagi aktiviti penyelidikan oleh para saintis dari seluruh dunia.

Penglibatan Malaysia dalam penyelidikan saintifik di Antartika bermula sejak 1999 apabila saintis Malaysia mula menjalankan kajian berkaitan pencemaran udara. Sehingga Februari 2012, sebanyak 46 ekspedisi saintifik melibatkan lebih 100 penyelidik tempatan telah dijalankan dan

menghasilkan 31 projek penyelidikan, 151 penerbitan dan 105 pelajar peringkat siswazah dan pasca siswazah dalam bidang berkaitan Antartika.

Penglibatan negara dalam aktiviti penyelidikan di Benua Antartika telah meletakkan Malaysia sebagai negara ASEAN pertama dan anggota OIC yang paling aktif menjalankan penyelidikan di Antartika bersama dengan negara maju. Ini telah melonjakkan nama negara di kalangan komuniti S&T, terutama dengan penemuan-penemuan penting hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan oleh saintis Malaysia.

Pemerolehan hak harta intelek ke atas satu spesis bakteria yang wujud di Antartika, dan berpotensi mengurangkan impak pencemaran akibat tumpahan minyak merupakan kejayaan terbesar hasil kajian kutub. Hasil daripada kajian juga adalah koleksi mikrob dan bakteria dari Antartika yang ditempatkan di Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan, Universiti Malaya (UM).

Keberangkatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-13 Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud ke benua Antartika pada 20-24 November 2011 diiringi oleh YB Menteri MOSTI menggambarkan komitmen dan kesungguhan di peringkat tertinggi berhubung penglibatan Malaysia dalam penyelidikan saintifik di benua tersebut. Ia juga turut memberi peluang kepada negara untuk memperkukuhkan kerjasama antarabangsa. Malaysia telah menyertai Triti Antartik (*Antarctic Treaty, 1959*) pada 31 Oktober 2011 dan sedang

menguruskan penyertaan kepada *Protocol on Environmental Protection to the Antarctic Treaty, Madrid, 1991* atau Protokol Madrid.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun]

TARIKH 15 Mac 2012 (Khamis)

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah Kerajaan bagi transformasi peladang, penternak dan nelayan khususnya bagi meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah terhadap produk yang dihasilkan untuk memajukan sektor pertanian.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa membantu petani, penternak dan nelayan bagi meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah terhadap produk yang dihasilkan untuk memajukan sektor pertanian melalui:

- (i) perkhidmatan pengembangan tanaman, ternakan dan perikanan dalam pengeluaran bahan makanan yang berkualiti seperti khidmat nasihat dan penyampaian teknologi yang digunakan, latihan motivasi, keusahawanan, pengetahuan teknikal dan pengurusan dalam bidang pengeluaran produk segar dan produk yang diproses;
- (ii) penglibatan pihak swasta sebagai peneraju agar aktiviti pertanian dapat dilakukan sebagai satu perniagaan yang berupaya membuah hasil yang lumayan;
- (iii) penggunaan mekanisasi dan teknologi yang moden dan ekonomik yang sentiasa diperkenalkan kepada para petani, penternak dan nelayan agar hasil pengeluaran yang lebih tinggi dapat diperolehi bagi memenuhi permintaan bekalan makanan tempatan; dan

- (iv) memperkenalkan sistem amalan pertanian, ternakan dan perikanan yang terbaik, program pembasmian penyakit, program peningkatan kualiti pertanian dan beberapa program lagi yang dapat membantu petani, penternak dan nelayan menjadi lebih berjaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)
DARIPADA Y.B. DR. TANG SENG GIAW
[KEPONG]

SOALAN

Y.B. DR. TANG SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan 'gated community dan guarded neighbourhood' di negara ini, siapa dan jumlah wang yang terlibat. Dengan kadar jenayah yang menurun, mengapa ia masih tumbuh.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Semenanjung Malaysia telah menggubal Garis Panduan

Gated Community and Neighbourhood yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 2 September 2010.

Garis panduan ini bertujuan untuk memandu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang dan mengawal perumahan berkonsepkan *gated community* dan *guarded neighbourhood*.

Garis panduan ini menerangkan secara terperinci syarat-syarat dan keperluan perancangan yang perlu dipatuhi oleh pemaju, Perbadanan Pengurusan (Management Corporation - MC), Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body - JMB) dan Jawatankuasa Penduduk

(Resident Association - RA) dalam menubuh dan mengurus sama ada skim *gated community* atau skim *guarded neighbourhood*.

Sehingga Mac 2011, berdasarkan rekod daripada PBT di Semenanjung Malaysia, terdapat sebanyak 515 bilangan Skim Perumahan *Gated Community (GC)* dan 636 bilangan Skim Perumahan *Guarded Neighbourhood (GN)*.

Dalam melaksanakan *gated community* dan *guarded neighbourhood*, pihak Kerajaan tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan bagi membiayai kos-kos membina atau bayaran pengurusan. Di bawah skim ini, proses pemilikan harta tanah adalah di bawah pembiayaan sepenuhnya pembeli rumah dengan pemilikan secara **hak milik strata** bagi skim *Gated Community (GC)* dan pemilikan secara **hak milik individu** bagi skim *Guarded Neighbourhood (GN)*. Begitu juga dengan **bayaran pengurusan bulanan** (*management fee*), di mana ia juga merupakan tanggungjawab pembeli atau pemilik rumah untuk **membuat bayaran bulanan** pada kadar yang dipersetujui di dalam mesyuarat Badan Pengurusan Bersama bagi skim *Gated Community (GC)* atau mesyuarat persatuan penduduk bagi skim *Guarded Neighbourhood (GN)*. Berkenaan pertumbuhan secara berterusan skim-skim *gated community*

dan *guarded neighbourhood* walaupun dalam keadaan penurunan kadar jenayah, KPKT melihat ia berpunca daripada **faktor tren pemilikan rumah** di mana pembeli lebih berminat memiliki rumah atau tinggal di kawasan perumahan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan tertentu seperti mempunyai akses keluar-masuk yang terhad, pemasangan pagar di keseluruhan kawasan sempadan serta dilengkapi sistem kawalan keselamatan 24 jam sama ada menggunakan pengawal keselamatan atau penggunaan CCTV. Selain daripada itu, faktor-faktor seperti **gaya hidup** dengan merasakan tinggal di kawasan skim ini lebih berprestij dan lebih privasi dan keperluan **kemudahan penyelenggaraan yang lebih baik** juga turut menarik pembeli tinggal di kawasan skim *gated community* dan *guarded neighbourhood*.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
[HULU SELANGOR]

TARIKH : 15 MAC 2012

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan pembangunan Hulu Selangor dari segi infrastruktur, pembangunan ekonomi, pendidikan (rendah, menengah, IPTA & IPTS serta sosial yang di rancang oleh Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa 5 tahun (2012 - 2016) yang akan datang.

JAWAPAN

Pada masa ini kawasan Hulu Selangor memang mempunyai rancangan pembangunan sehingga tahun 2020 seperti di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Rancangan tempatan ini mengandungi 7 teras yang meliputi aspek infrastruktur, pembangunan ekonomi, pendidikan serta sosial. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan projek, ia adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan kaedah *Rolling Plan*. Bagi RMKe-10, beberapa bidang telah diberi perhatian. Misalnya bagi mengatasi

masalah perumahan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan setinggan, sejumlah RM45 juta telah diperuntukkan untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Hassan. Selain itu, pembinaan empat (4) buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia di Hulu Selangor yang menelan belanja sebanyak RM600.000 akan disediakan pada tahun 2012.

Dari segi infrastruktur dan kemudahan awam pula projek pembinaan jalan dari Kampung Timah SKC ke Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Selangor telah diperuntukkan sejumlah RM 11.2 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi pendidikan di kawasan parlimen Hulu Selangor kemudahan telah pun disediakan untuk keperluan penduduk. Terdapat 32 buah Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) dan 17 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Selain itu, kawasan Hulu Selangor turut mempunyai 10 buah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan 9 buah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil serta sebuah Kolej Komuniti. Sehubungan dengan itu, buat masa ini, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai rancangan untuk membina IPTA baru di kawasan Parlimen Hulu Selangor.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI
 SALLEH (KUANTAN)**

TARIKH : 15MAC2012 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

- (a) Pelan Terperinci bagi melaksanakan Program Transformasi Luar Bandar (RTP); dan
- (b) Jumlah Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang wujud dan apakah fungsi dan peranannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Luar Bandar atau RTP merupakan pelengkap program transformasi negara bagi kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan

swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat. Kerajaan akan melaksanakan 5 langkah seperti berikut:

- i. Mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat pemiagaan; latihan dan kemahiran; klinik serta ruang niaga;
- ii. Mewujudkan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan- pekan kecil;
- iii. Melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar seluas 6,500 hektar di 11 kawasan Projek Agropolitan seluruh negara yang melibatkan tanaman komoditi, penanaman kontan dan temakan ikan sangkar dengan peruntukan sebanyak RM110 juta.
- iv. Peruntukan RM5 bilion akan disediakan pada tahun 2012 bagi Program Jalan Luar Bandar dan Projek Jalan Perhubungan Desa, bekalan air bersih kepada 200 ribu rumah, bekalan elektrik luar bandar kepada 39 ribu program bina/baik pulih rumah untuk pembangunan infrastruktur asas luar bandar yang lebih komprehensif.
- v. RM500 juta lagi akan diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur (PIAS) bagi memastikan usaha menaiktaraf infrastruktur asas luar bandar berterusan.

Antara objektif pelaksanaan RTP adalah bagi:

- i. Memastikan supaya setiap penduduk luar bandar mempunyai minda dan

- sikap yang positif serta berdikari dan mampu untuk menggunakan peluang dan sumber yang ada dengan optimum ke arah menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan.
- ii. Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan tinggal dalam persekitaran harmoni, indah, selamat dan terpelihara alam sekitarnya dan menjadi tarikan kepada masyarakat bandar serta pelancong asing.
 - iii. Menggalakkan pembangunan dan penempatan penduduk yang tersusun dengan dilengkapi infrastruktur asas serta kemudahan- kemudahan berkualiti bertaraf bandar.
 - iv. Mewujudkan persekitaran ekonomi yang sesuai untuk aktiviti keusahawanan dan menyokong segala aktiviti komersial.
 - v. Menjadikan masyarakat luar bandar sebagai pemangkin yang menyokong segala usaha menggerak dan menjayakan program- program pembangunan luar bandar; dan
 - vi. Mewujudkan satu sinergi proaktif yang membabitkan usaha pihak- pihak yang berkepentingan dalam perancangan, pelaksanaan serta penilaian program pembangunan luar bandar yang berkesan dan mapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTC Gopeng, Perak telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Februari 2012 yang lalu. Seterusnya, Kerajaan akan melancarkan RTC ke-2 di Kota Bharu, Kelantan dalam jangka masa terdekat. Beberapa lokasi yang lain telah dikenalpasti untuk dijadikan RTC seperti berikut:

- i) Kuala Linggi, Melaka;
 - ii) Kuala Kedah, Kedah;
 - iii) Pekan Nenas, Johor; dan
 - iv) Tanjung Manis, Sarawak.
- Tuan Yang DiPertua,

RTC akan berfungsinya sebagai pemacu dan pelengkap kepada Program Transformasi Luar Bandar yang bertujuan untuk mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Ianya akan berfungsinya sebagai pusat integrasi perkhidmatan yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 (NBOS4) meliputi:

- i. Latihan Kemahiran;
- ii. Kios Informasi 1 Malaysia;
- iii. Pertanian Bemilai Tinggi;
- iv. Pemprosesan Produk Agro Makanan;
- v. Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian;
- vi. Kerjasama Universiti;
- vii. Perkhidmatan Kesihatan 1 Malaysia; dan
- viii. Kemudahan Pembiayaan Kewangan

Skop pelaksanaan 8 inisiatif ini meliputi sehingga 100KM radius daripada Kompleks RTC bagi memberi manfaat kepada lebih ramai penduduk di kawasan luar bandar.

Bagi memastikan kejayaan RTC, mekanisme penubuhan Mini RTC telah dilaksanakan dengan menjadikan kampung-kampung yang mempunyai kemudahan Medan Infodesa (MID)/Pusat Internet Desa (PID) sebagai Mini RTC yang akan berfungsi untuk menyokong pelaksanaan program-program di RTC utama. Kampung ini kemudiannya akan dijadikan sebagai model kampung moden yang kelak akan diadaptasi kepada kampung-kampung yang lain.

Kerajaan berharap dengan terlaksananya inisiatif RTC ini, penduduk luar bandar berupaya menikmati kehidupan yang lebih baik menerusi penjanaaan pendapatan dan peluang pekerjaan barn, peningkatan kemahiran dan pengetahuan serta

menyediakan platform yang selesa dan menarik kepada generasi muda yang akan datang.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
KAWASAN	SIPITANG
TARIKH	15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kemajuan pelaksanaan projek lebuh raya Pan-Borneo menghubungkan Sarawak-Sabah tanpa melalui negara Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan Kajian Kemungkinan cadangan pembinaan jalan raya baru yang menghubungkan Sabah dan Sarawak tanpa melalui Negara Brunei Darussalam. Kajian yang disiapkan pada tahun 2005 itu dibuat dengan mengambil kira faktor bilangan trafik, sosioekonomi, guna tanah, alam sekitar, impak sosial, reka bentuk kejuruteraan awalan dan aspek mod pengangkutan. Hasil kajian tersebut antara lain telah mengenal pasti jajaran jalan yang baru iaitu dari Long Lama di Sarawak seterusnya ke Sindumin, Sabah tanpa melalui negara Brunei. Jarak panjang jalan yang terlibat ialah 275 kilometer dengan anggaran kos projek sebanyak RM2.5 bilion.

Walau bagaimanapun berikutan kos projek yang terlalu tinggi itu, Kerajaan pada bulan November 2009 telah bersetuju dengan cadangan alternatif kementerian ini iaitu untuk menaik taraf Jalan Pan Borneo sedia ada - dari Miri, Sarawak ke Kota Kinabalu, Sabah - merentasi Negara Brunei Darussalam. Projek sepanjang 325 kilometer tersebut melibatkan kos sebanyak RM423 juta. Skop projek ini ialah menaik taraf jalan sedia ada melibatkan butiran jajaran seperti berikut: Kota Kinabalu-Beaufort (95km), Beaufort-Sipitang (60km) dan Sipitang-Sindumin (20km) di Sabah; Mengkalap-Merapok (60km), Pandaruan-Tendungan (60km) dan Sungai Tujuh-Miri (30km) di Sarawak. Pada masa kini, kerja-kerja reka bentuk sedang giat dijalankan dan kerja-

kerja fizikai dijangka akan bermula pada pertengahan tahun ini dan siap keseluruhannya pada tahun 2015.

Namun demikian, Kerajaan sememangnya prihatin mengenai keadaan jalan raya di Negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Kerajaan pada bulan Februari 2012 yang lalu telah bersetuju meluluskan peruntukan di bawah *Rolling Plan* ke-2, RMKe-10 sebanyak RM100 juta untuk menaik taraf jalan-jalan utama di Sabah dan Sarawak, khususnya di sepanjang Jalan Pan Borneo. Peruntukan itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan sebanyak RM423 juta yang diluluskan Kerajaan dalam RMKe-10 untuk menaik taraf jalan Pan Borneo dari Miri ke Kota Kinabalu.

Pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang meneliti senarai projek-projek kecil bernilai antara RM200,000 hingga RM2 juta bagi tujuan dilaksanakan di jalan-jalan utama Sabah dan Sarawak, terutama Jalan Pan Borneo. Antara projek-projek yang terlibat ialah cadangan pembinaan lorong memotong, membaik pulih cerun dan kawasan mudah banjir serta menaik taraf lokasi sering berlaku kemalangan (*blackspot*). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat dan akan disiapkan selewat-lewatnya pada akhir pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT **PEMBERITAHU PERTANYAAN**
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, **DEWAN RAKYAT**

PARLIMEN KE-12, 2012
Pertanyaan **PERTANYAAN LISAN**
Daripada Datuk Chua Soon Bui [Tawau]

Tarikh Menjawab 15 Mac 2012 (Khamis)

Soalan No. 12 (PR-1251-L47425)
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PERUSAHAAN**
PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:-

- (a) apakah pelan-pelan Kementerian untuk memastikan bahawa ladang-ladang sawit dan industri sawit Malaysia sentiasa mampu bersaing dalam pasaran global bila Indonesia telah mengurangkan cukai eksport; dan
- (b) apakah sebab-sebabnya penangguhan penguatkuasaan kuota-kuota pengecualian cukai eksport minyak sawit dan bilakah kuota-kuota itu akan dikuatkuasakan lagi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Struktur duti eksport Indonesia memihak kepada menggalakkan pertumbuhan industri hiliran berasaskan sawit. Melalui struktur ini, Indonesia mengenakan duti eksport yang tinggi bagi minyak sawit mentah. Ini mendorong para pengeksport minyak sawit mentah menjualnya dengan kadar diskaun kepada industri tempatan di mana ini membolehkan industri hiliran Indonesia memperolehi bahan mentah dengan harga yang lebih rendah berbanding industri di Malaysia. Ini sekaligus membolehkan Indonesia mengeluarkan produk-produk hiliran pada harga yang lebih kompetitif berbanding Malaysia.

Bagi menangani isu tersebut, Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif bagi memperkukuhkan daya saing industri sawit negara di sektor hiliran.

Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

(i) Menggalakkan Penghasilan Produk Nilai Tambah Tinggi

Cadangan untuk Kerajaan menyediakan beberapa insentif kepada kilang-kilang penapis untuk menggalakkan mereka melakukan pelaburan baru dalam aktiviti-aktiviti penghasilan produk-produk nilai tambah tinggi seperti *oleo-derivatives*, produk-produk berasaskan makanan dan bukan berasaskan

makanan sedang diteliti mengikut kaedah-kaedah yang akan diumumkan kelak. Ini akan membolehkan industri hiliran Malaysia mengeluarkan produk-produk nilai tambah dan tidak bersaing dengan produk-produk Indonesia.

(ii) Memperkukuhkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan

Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baru. Ini akan membolehkan industri sawit negara memasarkan produk-produk bernilai tinggi ini di pasaran antarabangsa.

(iii) Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (*Free Trade Area Agreement - FTA*)

Rundingan perjanjian FTA dengan negara-negara rakan dagang merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Malaysia bagi meningkatkan daya saing dan akses pasaran minyak sawit serta produk berasaskan minyak sawit terutamanya produk nilai ditambah seperti produk oleokimia, barangan siap dan biodiesel berasaskan minyak sawit. Melalui peraturan ini, produk-produk minyak sawit Malaysia mendapat akses pasaran yang lebih baik melalui penghapusan atau penurunan duti import oleh negara-negara

rakan dagang terbabit berbanding negara yang tidak

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012
mempunyai kerjasama FTA.

(iv) Berkerjasama dengan Indonesia

Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk berkerjasama dengan Indonesia termasuk menangani isu cukai eksport. Ini adalah memandangkan kedua-dua negara mengeluarkan hampir 90% pengeluaran minyak sawit dunia dan adalah wajar kedua-dua negara bekerjasama agar pengusaha tanaman sawit kedua-dua negara dapat meraih faedah.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung dengan soalan mengenai kelulusan kuota eksport minyak sawit mentah tanpa duti, Kementerian telah pun mengagihkan kuota tersebut pada 10 Februari 2012.

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN WILLIAM @ NYALAU ANAK BADAK
[LUBOKANTU]

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a) setakat ini berapakah jumlah syarikat luar negara yang telah memulakan operasi di kawasan Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE);dan

(b) berapa banyak pelaburan yang telah dibawa dan dilaburkan di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a), sehingga kini hanya sebuah syarikat luar negara yang telah beroperasi di kawasan SCORE iaitu di Tanjung Manis. Manakala, tiga buah lagi syarikat luar negara sedang dalam peringkat pembinaan di kawasan SCORE iaitu di Samalaju. Ketiga-tiga syarikat asing ini dijadualkan beroperasi pada tahun 2013. Selain itu, terdapat sepuluh buah lagi syarikat dalam dan luar negeri yang telah diluluskan lesen perkilangan dan kini sedang dalam

pelbagai peringkat perundingan dari segi mendapatkan tenaga, bekalan air, pajakan dan lain-lain.

Bagi soalan (b) pula, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan yang dibawa dan dilaburkan oleh keempat-empat buah syarikat tersebut adalah sebanyak RM10.7 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Raja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut melaksanakan pembangunan semula Pasar Raja Bot serta inisiatif untuk mengindah dan menaiktaraf dengan menempatkan semula penjaja-penjaja sedia ada di sekitar kawasan tersebut ke dalam ruang penjajaan yang seragam, bersih dan kemas dengan kemudahan yang berkualiti. Terdapat seramai 1,527 penjaja terlibat dalam projek pembangunan semula tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, konsep pembangunan semula Pasar Raja Bot adalah seperti berikut:

- a) Penstrukturan semula dengan pengisian penjaja mengikut kategori jenis jualan;
- b) Menetapkan kegunaan ruang guna projek dan memastikan pengekalan aktiviti sedia ada pada tahap yang lebih baik;
- c) Pembangunan bersepadu yang memenuhi keperluan pengunjung serta sebagai tarikan pelancongan di bawah konsep "*Living Heritage*gedan
- d) Penyusunan semula organisasi pengurusan dan penyelenggaraan kompleks pasar mengikut keperluan semasa.

Namun begitu, projek ini masih lagi di peringkat rekabentuk oleh

juruperunding yang dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Projek ini yang akan dilaksanakan secara berfasa yang dijangka bermula pada tahun 2012 dan siap pada tahun 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DATO* KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS 15
MAC 2012 (KHAMIS)

NO. 16

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sarawak kepada *Curtin University of Technology Sarawak*.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008, Kerajaan telah menyalurkan *matching grantt secara one-off* kepada *Curtin University of Technology Sarawak* sebanyak RM6 juta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT SAWARAN NO. 17
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJUNG MANIS]
TARIKH 15 MAC 2012
SOALAN**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan**

- a. bilakah Kementerian dapat memulakan perkhidmatan perkhidmatan "Doktor Lawatan" secara kerap di kawasan-kawasan pedalaman Tanjung Manis.
- b. Membina Klinik 1 Malaysia di Pulau Bruit.

Tuan Yang Di-Pertua

Pada masa ini, penyampaian perkhidmatan kesihatan di dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis disediakan di 7 buah klinik kesihatan (KK) iaitu KK Belawai, KK Rejang, KK Tanjung Manis, KK Paloh, KK Betanak, KK Tekajong dan KK Buit.

Perkhidmatan Doktor Lawatan ke klinik kesihatan di dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis dibuat melalui perkhidmatan darat, sungai dan udara (*Flying Doctor Service, FDS*) oleh seorang doktor. Perkhidmatan Doktor Lawatan FDS telah bermula sejak tahun 2011 lagi. Kekerapan lawatan berkala oleh Perkhidmatan FDS dibuat sebanyak sebulan sekali. Walau bagaimanapun, pelaksanaan jadual FDS yang ditetapkan bergantung kepada keadaan cuaca. Secara purata, kekerapan doktor melawat dan memberi lawatan adalah 2-3 kali sebulan.

Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan oleh doktor di kawasan parlimen Tanjung Manis, bermula pada tahun ini, perkhidmatan Doktor Lawatan ke klinik-klinik kesihatan tersebut telah dijadualkan secara lebih berkala iaitu sebulan sekali. Dalam tahun 2011, sebanyak 8,434 kes pesakit mendapatkan perkhidmatan dari 3 buah klinik kesihatan tersebut, dan sebanyak 224 (0.7%) kes dilihat dan dirawat oleh doktor melalui perkhidmatan FDS (rujuk lampiran A).

Kementerian Kesihatan akan terus berusaha meningkatkan perkhidmatan doktor di kawasan ini dari masa ke semasa.

Projek Klinik 1 Malaysia disasarkan untuk penduduk berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan Bandar. Di luar bandar, kementerian telah menyediakan klinik kesihatan dan klinik desa. Di Pulau Buit, telah

Tuan Yang Di-Pertua

terdapat tiga (3) klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Buit (mula beroperasi 2002), Klinik Kesihatan Betanak (mula beroperasi 1994) dan Klinik Kesihatan Tekajong (mula beroperasi 1962). Semua klinik kesihatan ini menyediakan perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Buat masa ini, fasiliti kesihatan sedia ada sudah dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk di Pulau Buit.

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI

KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

TARIKH

PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] 15

SOALAN

MAC 2012

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) apakah sebabnya projek penambahan katil di Hospital Seberang Prai masih belum dilaksanakan; dan
- b) apakah langkah untuk menangani masalah kekurangan tapak letak kenderaan di hospital tersebut dan juga Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kelewatan pembinaan Projek Multi Storey Block Hospital Seberang Jaya adalah disebabkan permohonan yang dipohon di dalam RMKe-9 dan *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 yang tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, permohonan susulan bagi projek ini telah pun diluluskan untuk dilaksanakan di dalam *Rolling Plan* Kedua RMKe-10. Skop projek ini telah pun diputuskan dan kini di peringkat menyiapkan rekabentuk.

Kerajaan menyedari masalah tempat letak kereta yang dihadapi oleh sebahagian besar hospital-hospital Kerajaan termasuklah Hospital Seberang Jaya, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam. Kajian terperinci tentang masalah yang dihadapi dan juga cadangan penyelesaiannya sedang dilaksanakan. Selain berusaha menambah tempat letak kereta melalui peruntukan pembangunan yang diterima, pihak Kerajaan juga sedang mempertimbangkan bagi membina tempat letak kereta bertingkat secara *Private Finance Initiative* (PFI) atau melalui penswastaan perkhidmatan tempat letak kereta di hospital.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]

TARIKH

15 MAC 2012 KHAMIS

SOALAN

19

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang memandu secara merbahaya hingga mengakibatkan kemalangan maut di jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, sudah tersedia peruntukan undang-undang bagi mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang memandu secara merbahaya hingga mengakibatkan kemalangan maut di jalan raya. Berdasarkan peruntukan tersebut, hukuman penjara yang dikenakan adaiiah tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih sepuluh tahun serta didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi daripada dua puluh ribu ringgit. Di samping itu, mereka yang disabitkan kesalahan juga akan hilang kelayakan daripada memegang lesen memandu selama tidak kurang daripada tiga tahun daripada tarikh sabitan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA[PARIT
BUNTAR]

TARIKH : 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA[PARIT
BUNTAR] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam menjayakan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan yang diadakan di Parit Buntar, Perak pada 13 hingga 16 Januari 2012 yang lalu.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Sebagai makluman YB, kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam menjayakan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan yang diadakan di Parit Buntar, Perak pada 13 hingga 16 Januari 2012 yang lalu adalah sebanyak RM2,187,589.00.

NO. SOALAN:

21 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARI PADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) prestasi projek ikan sangkar NCER di Langkawi. Berapakah bilangan peserta (nelayan) yang terlibat dan perbelanjaan atau pinjaman yang dikeluarkan; dan
- (b) berapakah bilangan sangkar yang betul-betul beroperasi. Adakah perkara ini betul-betul berdaya maju.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a), Program Akuakultur di Sungai Menghulu, Langkawi merupakan satu program yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang berteraskan penternakan ikan marin (ikan kerapu) dalam sangkar. Ianya adalah satu program Pertanian yang merupakan salah satu daripada empat sektor teras ekonomi NCIA.

Program Akuakultur Sg. Menghulu ini telah melahirkan 16 usahawan dan seterusnya akan melahirkan seramai 32 usahawan lagi khususnya dalam ternakan ikan kerapu. Program ini dijangka akan menyediakan 100 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kejayaan ini adalah selaras dengan komitmen NCIA untuk berkembang seiring dengan peningkatan taraf hidup masyarakat setempat khususnya yang berada di luar bandar. Sejumlah RM150 juta pelaburan telah dihasilkan dari program ini dan perbelanjaan sebenar yang telah dikeluarkan oleh NCIA adalah sebanyak RM15 juta.

Bagi soalan (b) pula, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak 880 petak sangkar telah disiapkan dan telah beroperasi sepenuhnya. Selain itu, kawasan ini juga dilengkapi dengan

kemudahan tempat tinggal pekerja, tempat mencuci peralatan, setor dan lain-lain termasuk pembinaan pusat kuarantin, nurseri dan pusat pemprosesan makanan ikan juga telah siap sepenuhnya. Pembangunan pusat pembenihan ikan juga telah siap dilaksanakan sepenuhnya dan telah mula beroperasi. Program ini didapati berdaya maju dan dijangkakan dapat menambah hasil ikan negara sebanyak 960 tan metrik yang bernilai RM28 juta setahun.

Seperti projek-projek lain, projek akuakultur Sg. Menghulu juga mengalami kesukaran dipermulaan operasinya. Namun berkat kerjasama di antara pihak peneraju dan NCIA serta penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan Malaysia dan pihak kerajaan negeri, masalah tersebut dapat diatasi dan projek tersebut berjaya mencapai sasarannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]
TARIKH 15 MAC 2012
SOALAN**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Hospital Banting boleh dinaik taraf serta tidak perlu lagi ke Hospital Klang yang terlalu padat dengan pesakit dan jauh jaraknya.

NO. SOALAN: 23

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menaiktaraf Hospital Banting, cadangan Membina Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Banting telah dicadang untuk dilaksanakan di dalam Rolling Plan Kedua RMKe-10, namun tidak diluluskan. Cadangan ini akan dipohon sekali lagi di dalam Rolling Plan Ketiga RMKe-10. Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menaiktaraf perkhidmatan lain di Hospital Banting menggunakan peruntukan projek-projek kecil yang ada.

PERTANYAAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARI PADA LISAN**

KAWASAN

**YB. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN
SYED JAAFAR ALBAR**

TARIKH

KOTA TINGGI

15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

**YB. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR
(KOTA TINGGI) minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan mengapa setelah Jalan Ulu Tiram ke Kota Tinggi Johor dinaik taraf kepada *Dual Carriageway* keadaan permukaan jalan asal di lauan tersebut dibiarkan tanpa diturapkan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Jalan Ulu Tiram ke Kota Tinggi, Johor telah dimulakan pembinaannya pada 2 Januari 2008 dan siap pada 26 Mac 2011. Projek dengan nilai RM36.2 juta sepanjang 13.3 kilometer itu melibatkan skop menaik taraf jalan sedia ada daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala, termasuk membina sebuah jambatan baru. Walau bagaimanapun berikutan daripada semakan semula terhadap skop projek ini berbanding peruntukan yang diluluskan, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memutuskan untuk mengekalkan jalan lama sedia ada bagi menjadikan keseluruhan skop jalan ini kepada empat lorong dua hala.

Mengenai aduan terhadap kualiti jalan lama projek berkenaan yang tidak diturap semula, Kementerian Kerja Raya sememangnya sedia maklum dan prihatin terhadap aduan oleh para pengguna di laluan tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini sedang berunding dengan Agensi Pusat bagi memastikan supaya peruntukan tambahan dapat diluluskan atas kadar yang segera untuk tujuan pelaksanaan kerja-kerja menurap semula jalan lama itu. Untuk tempoh jangka pendek, kerja-kerja membaik pulih Jalan Persekutuan FT03 yang terfibat itu akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan selewat-lewatnya pada bulan April 2012. Kerja membaik pulih ini dijangka akan siap dalam tempoh 5 bulan dengan melibatkan kos projek sebanyak RM2 juta.

Di samping itu kementerian ini juga sedang meneliti cadangan untuk meningkatkan lagi aspek-aspek keselamatan pengguna di lauan tersebut, seperti cadangan lampu jalan dan menaik taraf lokasi yang sering berisiko kemalangan (*blackspot*).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH

15.03.2012 (KHAMIS)

TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa segelas air dikenakan bayaran sebanyak RM2 di kebanyakan kedai kopi dan kedai makan. Adakah harga tersebut akan dikawal. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini dan ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa air kosong dikenakan bayaran oleh peniaga-peniaga di kebanyakan kedai kopi dan kedai makan dalam negara. Pelbagai jenis air kosong ditawarkan untuk jualan kepada pelanggan dan antaranya ialah air kosong suam, air kosong sejuk (ais) disamping air minuman (kosong) dalam bentuk tersedia bungkus seperti air mineral dan air minuman (*drinking water*). Harga air kosong tersebut adalah berbeza berdasarkan beberapa faktor iaitu jenis premis perniagaan, lokasi premis perniagaan ditempatkan

dan bagi air mineral atau air minuman (tersedia bungkus) jenamanya serta sama ada keluaran domestik atau diimport.

Pemeriksaan dan pemantauan telah dijalankan oleh Kementerian ini ke atas pengusaha-pengusaha restoran, kedai makan, kopitiam, gerai makan dan medan selera yang bertempat di pusat-pusat membeli belah, pasar raya, hypermarket, hentian R&R serta premis persendirian di seluruh negara. Secara keseluruhan, harga air kosong suam dan sejuk yang dijual di kebanyakan restoran dan kedai makan masih berada pada paras yang berpatutan dan munasabah iaitu antara RM0.20 hingga RM0.30 segelas sementara ada segelintir peniaga yang menjual pada harga RM0.40 hingga 0.50 segelas manakala sesetengah premis didapati tidak mengenakan sebarang caj ke atas air kosong.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengesan sesetengah restoran dan kedai makan yang bertaraf eksklusif dalam pusat membeli belah di lokasi strategik di Lembah Klang dan beberapa ibu negeri menjual air kosong suam atau sejuk pada harga antara RM0.80 hingga RM1.50. Sungguhpun demikian, premis-premis di lokasi berkenaan didapati menyediakan menu yang memaparkan dengan jelas harga air kosong dan air minuman agar pelanggan mendapat maklumat sebelum membuat pembelian.

Dalam memastikan supaya penjualan harga air kosong yang terlalu mahal di kalangan pengusaha restoran dan kedai makan tidak berleluasa, pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian telah mengambil tindakan notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terutamanya ke atas premis yang menjual air kosong pada harga yang keterlaluan tinggi tanpa sebab yang munasabah, mewajibkan peniaga memberi penjelasan. Sekiranya arahan notis tidak dipatuhi tindakan boleh diambil ke atas peniaga berkenaan di bawah Akta tersebut. Akta ini juga mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga bagi minuman dan makanan yang dijual di premis dan kegagalan berbuat demikian

membolehkan tindakan diambil ke atas mereka di bawah akta yang sama. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini dan ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menentukan dan mengawal harga air kosong di seluruh negara. Malaysia mengamalkan dasar pasaran ekonomi bebas dan pengguna di dalam negara masih mempunyai banyak pilihan untuk merancang perbelanjaan dan membuat perbandingan harga sebelum membeli khususnya dengan adanya kuat kuasa undang- undang penandaan harga ke atas penjual runcit.

Penjualan harga air kosong yang melampau oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab akan terus mendapat perhatian dan tindakan Kementerian ini. Walau bagaimanapun, pengguna harus menggunakan hak mereka untuk memilih berdasarkan maklumat harga yang dipamerkan.

SOALAN 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]
TARIKH	15 MAC 2012
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan :

Kesediaan Kerajaan untuk membangun danewartakan Tungku sebagai sebuah pusat pelancongan bagi memperkenalkan Air Terjun Madai, Gua Madai, Tabin Wildlife Reserve dan lain-lain keunikan alam di lembah ini sebagai sebuah pusat pelancongan yang berkonsepkan “*eco-tourism*”.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Silam, perwartaan sesuatu kawasan pelancongan bukan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengiktiraf potensi Tungku untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat pelancongan secara kluster bersama-sama tarikan eko-pelancongan yang berdekatan. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM2.55 juta** di bawah RMKe-9 bagi membiayai projek peningkatan kemudahan pelancongan di Gua Madai, Lahad Datu yang terletak di dalam kawasan Parlimen Silam.

Selain Gua Madai, Kementerian Pelancongan juga telah memperuntukkan sebanyak **RM3 juta** di bawah RMKe-9 melalui Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan untuk membiayai projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Rizab Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu yang juga terletak di dalam kawasan Parlimen Silam.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di samping peruntukan pembangunan, Kementerian Pelancongan juga turut membantu dalam mempromosikan Sabah melalui agensi Tourism Malaysia. Pusat Lindungan Hidupan Liar Tabin dan Lembah

Danum yang terletak di daerah Lahad Datu telah diangkat sebagai antara 10 ikon Pelancongan Negeri Sabah dan dipromosikan secara meluas menerusi aktiviti-aktiviti dan penyertaan dalam Misi-misi Jualan sama ada di peringkat antarabangsa dan domestik. Selain itu, aktiviti promosi juga dibuat melalui cetakan *bunting*, poster, risalah-risalah pelancongan dan juga melalui laman-laman web.

Berdasarkan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan, adalah menjadi harapan Kementerian Pelancongan untuk melihat industri pelancongan di negeri Sabah khususnya pelancongan berkonsepkan "*eco-tourism*" terus berkembang dengan pesat dan menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]

TARIKH : 15 Mac 2012 (Khamis)

SOALAN : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan setakat manakah TEMAN Gopeng (yang kini digelar RTC) berjaya menepati tujuan asalnya sebagai pusat pemborongan sayur - sayuran, ikan dan daging.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Aktiviti pertanian di TEMAN Gopeng yang kini dikenali sebagai RTC Gopeng telah mencatatkan purata jualan berjumlah RM2 juta sebulan secara langsung dan sebanyak RM30 juta secara tidak langsung. Kini, RTC Gopeng telah melibatkan seramai 236 usahawan Ladang Kontrak seluas 832 hektar dan 1032 Usahawan Pasar Tani.

Aktiviti perniagaan dilaksanakan secara terancang dari peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran selaras dengan pelaksanaan Inisiatif 5: Pengurusan Rantai Bekalan Berpacuan Pasaran. Pendekatan ini melibatkan rantai pergerakan hasil pertanian daripada bekalan di ladang hingga kepada pengguna dan pelaksanaannya akan diteruskan sehingga aktiviti di RTC Gopeng berjalan secara aktif.

AUP
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

15 MAC 2012

TARIKH

4650

RUJUKAN

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kecurian kenderaan yang dianggarkan sebanyak 150 buah sehari dan melibatkan kos kerugian sebanyak RM1 bilion setahun; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan standard keselamatan pencegahan kecurian kenderaan dan mewajibkan pembuat dan pengedar kenderaan supaya dapat meningkatkan ciri-ciri keselamatan kenderaan bagi memastikan ia tidak mudah dicuri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Malim yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani jenayah curi kenderaan di negara ini. Bagi membanteras kegiatan ini, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan seperti berikut:-

- 1) Melaksanakan Ops Lejang iaitu operasi bagi menangani kecurian kenderaan di seluruh negara dengan tumpuan khas di kawasan-kawasan *hotspot* dan kawasan yang kerap berlaku jenayah curi kenderaan. Operasi ini turut melibatkan pemeriksaan kenderaan di sekatan jalanraya, pemeriksaan bengkel-bengkel kenderaan dan kedai-kedai barang lusuh;
- 2) Mengenalpasti peralatan-peralatan berteknologi tinggi yang digunakan oleh sindiket dalam melakukan jenayah curi kenderaan. Mereka yang memiliki peralatan-peralatan tersebut boleh dianggap berpotensi tinggi sebagai penjenayah curi kenderaan atau lain-lain jenayah. Sekiranya peralatan tersebut tidak mendapat pentauliahan daripada SIRIM, tindakan boleh diambil di bawah Sek. 239(1) Akta Komunikasi dan Multimedia, 1998 yang membawa hukuman tidak melebihi RM 100 ribu dan penjara tidak melebihi 2 tahun; dan

- 3) Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala ke atas kedai potong kereta yang disyaki terlibat dalam kecurian kenderaan terutamanya kenderaan nasional. Maklumat mendedahkan kedai potong kereta ini membekalkan komponen-komponen yang dilarikan dari kenderaan curi kepada bengkel-bengkel membaiki kenderaan yang terlibat dalam kemalangan.

Selain itu, PDRM turut mencadangkan supaya parkir awam diperbanyakkan dan menggalakkan pemilik kenderaan menggunakan parkir awam yang disediakan bagi memudahkan kawalan dan pengawasan bukan sahaja oleh anggota malah juga melalui kamera litar tertutup atau CCTV. Kenderaan yang diletakkan di merata tempat boleh menyukarkan kawalan dan membuka peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah curi kenderaan. Memandangkan kecurian motosikal adalah penyumbang tertinggi kepada kecurian kenderaan, PDRM turut mencadangkan supaya mengadakan parkir khas untuk motosikal di tempat-tempat awam seperti pasaraya, pangsapuri dan pusat-pusat komersil. Parkir ini perlu disediakan dengan kemudahan alat untuk mengunci roda motosikal berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan standard keselamatan pencegahan kecurian kenderaan melalui penguatkuasaan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)* sepertimana berikut:

- (i) R97 bagi *Vehicle AlarmSystem*; dan
- (ii) R116 bagi *Protection Against Unauthorized Use*.

Kedua-dua peraturan tersebut adalah dikuatkuasakan terhadap kenderaan model baru kategori M1 mulai tahun 2010 melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN

TARIKH 15 MAC 2012

SOALAN:

YB Dato' Rashid bin Din minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasional pekerja-pekerja kontrak/sementara digunakan di dalam sesetengah jawatan di dalam Jabatan Kerajaan (*civil servants*), walhal jawatan-jawatan ini sedia wujud dalam senarai perjawatan awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kaedah pelantikan secara kontrak (*contract of service*) dan sementara

merupakan suatu kaedah pelantikan bagi pegawai awam yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan selain daripada pelantikan secara tetap. Penggunaan kaedah pelantikan secara kontrak dan sementara ini adalah tertakluk kepada perakuan oleh Ketua Perkhidmatan dan persetujuan Suruhanjaya Perkhidmatan setelah mengambil kira bahawa pengisian jawatan secara tetap tidak dapat atau tidak sesuai dilaksanakan atas faktor:

- (a) bentuk tugas, tempoh keperluan perkhidmatan yang terhad dan tidak berpanjangan yang mana lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak/ sementara. Contohnya, pelantikan bertujuan melaksanakan kerja- kerja berbentuk program/ projek yang tempoh pelaksanaannya tidak berpanjangan;
- (b) wujud keperluan untuk menawarkan syarat pelantikan yang berlainan khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan tertakluk peraturan yang berkuat kuasa;
- (c) membolehkan penilaian dibuat dalam tempoh kontrak sebelum pegawai dipertimbangkan untuk dilantik tetap. Contohnya, penilaian terhadap Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan yang dilantik semula di gred

- lantikan (sebelum ini pernah meletak jawatan) sebelum mereka boleh dipertimbangkan pelantikan tetap; atau
- (d) sebagai langkah menampung sementara keperluan perkhidmatan sebelum pelantikan tetap dibuat.

Pelantikan secara sementara dibuat bagi maksud mengisi perjawatan sementara atau bila mana seseorang pegawai awam yang dilantik itu masih perlu memenuhi beberapa syarat lantikan lain sebelum boleh dipertimbangkan pelantikan secara tetap.

Pelantikan secara kontrak pula dibuat bagi tujuan mengisi perjawatan berstatus kontrak atau pelantikan yang dibuat dengan hanya bersandarkan skim perkhidmatan tertentu secara tidak mengisi mana-mana perjawatan. Terdapat juga keadaan di mana pegawai (termasuk calon dari kalangan pesara, bukan warganegara dan calon bukan pesara yang tidak mencukupi syarat dan diberi pengecualian khas) dilantik secara kontrak atas jawatan tetap di gred lantikan dan gred kenaikan pangkat. Pelantikan tersebut bertujuan menampung dalam tempoh sementara keperluan perkhidmatan yang mendesak sebelum jawatan tersebut boleh diisi secara tetap oleh calon baru atau pegawai yang layak dinaikkan pangkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

YB DATO'

HAJI ISMAIL BIN HAJI

MOHAMED SAID

TARIKH

15 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan sejauh manakah langkah FELDA untuk mewujudkan FELDA Global Ventures Holdings dapat menaik taraf kehidupan peneroka FELDA seluruh Negara dan apakah mekanisma bagi membolehkan FELDA Global Ventures Holdings tersebut beroperasi

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) telah ditubuhkan pada 2007 sebagai entiti komersil tunggal yang bertanggungjawab untuk meningkatkan prestasi perniagaan FELDA. Ini membolehkan FELDA menumpukan sepenuh perhatiannya kepada tanggungjawab sosial serta hal-ehwal berkaitan peneroka.

Peningkatan prestasi perniagaan ini akan dapat meningkatkan tahap keuntungan bagi tahun mendatang dan dapat dikongsi dengan masyarakat peneroka samada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, segala keistimewaan yang dinikmati seperti prasarana rancangan, insentif produktiviti atau bonus, pemberian Hari Raya, khairat kematian, program pendidikan dan latihan kemahiran untuk generasi FELDA serta program keusahawanan akan terus disediakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

000000000000000000

NO SOALAN : 4

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH

14 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi semasa pelaburan FELDA Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGVH) di dalam dan di luar Negara serta sejauh manakah kajian mendalam yang dibuat mengenai buruk baik penyenaiaan FGVH di Bursa Malaysia.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan **Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian** bersekali dengan **Sri Gading (20 Mac 2012)**, **Sekijang (22 Mac 2012)**, **Tawau (27 Mac 2012)**, **Jempol (28 Mac 2012)**, **Jerantut (29 Mac 2012)**,

Lenggong (2 April 2012), Kalabakan (10 April 2012) dan Tanjung Malim (11 April 2012) kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan.

Soalan-soalan tersebut menyentuh empat perkara berikut;

- i. Rasional dan manfaat penyenaian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) kepada peneroka dan rakyat termasuk jaminan Kerajaan bahawa peneroka tidak akan rugi.
- ii. Tahap persediaan dan kemajuan terkini penyenaian.
- iii. Pemahaman dan persetujuan peneroka ke atas penyenaian.
- iv. Prestasi pelaburan FGVH dan strategi masa depan FGVH untuk memberi pulangan lumayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjamin bahawa masa depan peneroka akan sentiasa terjaga sebelum dan selepas penyenaian serta segala keistimewaan yang dinikmati seperti prasarana rancangan, insentif produktiviti atau bonus, pemberian Hari Raya, khairat kematian, program pendidikan dan latihan kemahiran untuk generasi FELDA serta program keusahawanan akan terus disediakan. Manakala, tanah kebun dan tapak rumah serta saham milik peneroka dalam KPF tidak akan sama sekali diusik walaupun sedikit. Penyenaian ini bakal menguntungkan peneroka FELDA di mana FGVH akan dapat merungkai nilai daripada aset-aset miliknya dari prospek perniagaan yang baik serta memperoleh dana untuk membiayai pertumbuhan masa depan yang mana tentunya tidak akan merugikan peneroka.

Di samping itu, manfaat ekonomi peneroka dapat ditingkatkan melalui

perkongsian keuntungan yang dijana selepas penyenaiaan. Peneroka juga akan mendapat durian runtuh sepertimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri dan berpeluang untuk membeli saham FGVH semasa penyenaiaan. Manfaat ekonomi daripada penyenaiaan ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh warga dan pekerja FELDA malahan dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia melalui penyertaan pelbagai kumpulan pelabur semasa dan selepas penyenaiaan.

Tindakan ini juga adalah selaras dengan Dasar mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRIB) dan Model Baru Ekonomi. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk menambahbaik kecairan pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di sektor swasta. Penyenaiaan FGVH di dalam Bursa Malaysia akan mewujudkan salah sebuah syarikat multinasional terbesar di dunia yang berasaskan agri-bisnes bersepadu dan dinamik. Ini juga akan dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti FGVH seiring dengan pelaku industri perladangan global yang lain.

Kajian manfaat penyenaiaan FGVH telah dibuat dengan teliti oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan bersama perunding strategi serta penasihat yang telah dilantik sekarang ini dalam fasa terakhir proses penyenaiaan. FGVH juga sentiasa memperkukuhkan barisan pengurusan dengan mendapatkan bakat-bakat terbaik industri dan menjalin usahasama dengan rakan kongsi strategik bagi mengembangkan perniagaan hiliran ke serata dunia.

Menyentuh kepada soalan sama ada persetujuan daripada peneroka telah

diterima, berdasarkan maklum balas daripada sesi penerangan yang telah diadakan, sebahagian besar masyarakat peneroka FELDA telah menyatakan sokongan terhadap penyenaian ini. Manakala minoriti yang tidak menyokong adalah disebabkan oleh hasutan pihak-pihak tertentu. Banyak sesi penerangan kepada masyarakat peneroka telah diadakan sejak beberapa bulan yang lepas dan usaha ini akan diteruskan di samping saluran-saluran media yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGVH merupakan anak syarikat milik penuh FELDA iaitu sebuah agensi Kerajaan di bawah seliaan Menteri yang bertanggungjawab. Oleh itu, keputusan penyenaian FGVH telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah FGVH, FELDA dan Menteri yang bertanggungjawab.

Menyentuh soalan berkaitan prestasi semasa pelaburan FGVH bagi tahun berakhir 2009 dan 2010, keuntungan sebelum cukai bagi Kumpulan FGVH masing-masing adalah sebanyak RM203 juta dan RM366 juta sementara tahun 2011 masih diaudit. Prestasi semasa perniagaan luar negara kini menunjukkan peningkatan yang baik. Ingin saya maklumkan bahawa pelaburan global di 12 buah negara (Amerika Syarikat, Kanada, China, Turki, Afrika Selatan, Australia, Indonesia, Thailand, Pakistan, India, Perancis dan Arab Saudi) yang dibuat oleh FGVH merupakan strategi jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada penjualan minyak sawit sahaja. Pelaburan luar negara ini secara tidak langsung telah mewujudkan rangkaian nilai bersepadu (*integrated value-chain*) yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleokimia, minyak dan lemak yang bakal

membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri di dalam industri pengeluaran barangan pengguna (*consumerproducts industry*).

Manakala mengenai soalan berkaitan strategi perniagaan, di antara strategi utama FGVH bagi meningkatkan pulangan adalah peningkatan kecekapan operasi secara berterusan, pengukuhan tahap tadbir urus dan pengembangan perniagaan di peringkat global. FGVH juga akan tetap memberi fokus untuk mengembangkan perniagaan huluannya terutama di rantau ASEAN dan benua Afrika dan hilirannya ke serata dunia.

Sebagai kesimpulan, penyelarai FGVH ini adalah satu inisiatif sejajar dengan matlamat transformasi negara yang bukan sahaja menguntungkan warga FELDA malah dapat dikongsi nikmat kemakmurannya oleh seluruh rakyat Malaysia.

0)000)000000000000

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA **YB TUAN FONG KUI LUN**

JAWAPAN:

(BUKIT BINTANG)

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN 30

YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan bilangan penerima bantuan kebajikan pelbagai jenis, kadar-kadarnya, dan bilangan permohonan yang ditolak dan dikurangkan kadar bantuan serta sebab-sebabnya dan sebab kelewatan pembayaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan kebajikan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan seperti keluarga miskin, warga emas, pesakit kronik terlantar dan mangsa bencana.

JAWAPAN:

Berdasarkan statistik JKM hingga akhir tahun 2011,

jumlah penerima

bantuan kebajikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 14,715 orang, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM43.9 juta.

Daripada jumlah ini Skim Bantuan Am dengan kadar RM80 hingga RM350 sekeluarga sebulan merupakan skim yang mempunyai bilangan penerima bantuan yang teramai iaitu 4,549 orang penerima melibatkan

perbelanjaan sebanyak RM9.6 juta atau 22% daripada jumlah

keseluruhan bantuan kebajikan. Manakala Skim Bantuan Orang Tua

(BOT) dengan kadar RM300 seorang sebulan merupakan skim bantuan

kedua teramai dengan bilangan penerima seramai 3,786 orang dengan

perbelanjaan sebanyak RM13.1 juta atau 30% daripada jumlah

keseluruhan bantuan kebajikan.

Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM300 seorang sebulan diberikan kepada seramai 3,955 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM14.2 juta atau 32% daripada jumlah keseluruhan bantuan kebajikan. Skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dengan kadar RM100 hingga RM450 sekeluarga sebulan diberikan kepada seramai 1,235 orang, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.7 juta atau 9% daripada jumlah keseluruhan bantuan kebajikan.

Skim Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dengan kadar RM300 seorang sebulan diberikan kepada seramai 388 orang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 juta atau 3% daripada jumlah keseluruhan bantuan kebajikan. Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar RM150 seorang sebulan diberikan kepada seramai 471 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM0.7 juta atau 2% daripada jumlah keseluruhan bantuan kebajikan. Manakala bantuan lain diberikan kepada seramai 331 orang penerima melibatkan perbelanjaan sebanyak RM0.9 juta atau 2% daripada jumlah keseluruhan bantuan kebajikan.

Sepanjang tahun 2011 JKM menerima sebanyak 5,249 permohonan baru bantuan kebajikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,559 permohonan atau 49% diluluskan bantuan

kebajikan. Manakala sebanyak 2,690 permohonan iaitu 51% ditolak kerana tidak memenuhi kriteria permohonan bantuan kebajikan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu (1) skim bantuan kebajikan yang boleh ditambah atau dikurangkan kadar bayaran bantuan yang diberikan iaitu Skim Bantuan Kanak-Kanak. Kadar bayaran bantuan adalah mengikut bilangan kanak-kanak di bawah jagaan keluarga. Kebanyakan kes yang dikurangkan kadar adalah menerusi kaji semula yang dibuat apabila terdapat penerima bantuan mempunyai anak yang telah melebihi umur 18 tahun. Keadaan ini menyebabkan anak tersebut terkeluar daripada kelayakan menerima manfaat bantuan kebajikan.

Tuan Yang Di Pertua,

JKM telah menetapkan 1 hari bulan setiap bulan sebagai tarikh bayaran bantuan kebajikan di seluruh negara. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes kelewatan bayaran di JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang disebabkan oleh faktor di luar kawalan JKM seperti berikut:

- a) kelewatan penerima bantuan baru membuka akaun bank;
- b) masalah teknikal seperti kesilapan nombor akaun;

- c) kegagalan mengesan klien; atau
- d) pemohon telah berpindah tanpa memaklumkan alamat terkini kepada pejabat.

JKM sentiasa berusaha untuk memastikan golongan miskin dan mereka yang memerlukan mendapat pembelaan dan bantuan kebajikan yang berkaitan. Langkah ini adalah selaras dengan Gagasan 1 Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
	[KAPIT]
TARIKH	15.03.2012 (KHAMIS)

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan setakat masa kini berapa buah syarikat penghantar barangan di Sarawak yang telah dilantik oleh Kementerian ini didapati bersalah kerana melakukan penyelewengan kontrak mereka. Jelaskan tindakan yang diambil terhadap mereka ini. Dan adakah langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan masalah seumpama ini berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mula

melaksanakan secara meluas program penyeragaman harga barangan perlu, LPG (gas memasak) serta petrol dan diesel ke kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak mulai Januari 2010.

Pada tahun 2010 pihak Kementerian telah mengesan tiga pengedar (*transporter*) yang telah dilantik melaksanakan projek berkenaan membuat penyelewengan tuntutan terhadap kos pengangkutan. Kementerian ini telah mengambil tindakan membatalkan kontrak ketiga-tiga syarikat yang terlibat. Bagi meneruskan projek demi menjaga

kepentingan penduduk pedalaman, Kementerian telah melantik syarikat baru bagi mengambil alih tugas pengedaran di kawasan-kawasan terlibat.

Pada tahun 2011 pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) telah menjalankan siasatan ke atas beberapa syarikat berikutan aduan orang awam atau pemimpin tempatan. Kementerian ini telah bekerjasama dengan pihak SPRM menjalankan siasatan berhubung dakwaan unsur-unsur penyelewengan oleh pihak syarikat pengedar. Menurut pihak SPRM, pihaknya telah mengambil tindakan terhadap syarikat- syarikat yang disyaki terlibat dalam penyelewengan.

Kementerian ini berusaha memastikan tiada berlaku unsur-unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek pengedaran dan tidak teragak-agak akan menamatkan kontrak terhadap syarikat yang didapati melanggar syarat-syarat kontrak. Kementerian juga telah melaksanakan tindakan-tindakan berikut sebagai langkah pencegahan bagi mengelak perkara ini berulang iaitu:

- i. Mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan bersama syarikat terbabit;
- ii. Mempertingkatkan pemantauan dengan membuat lawatan yang lebih kerap ke
kawasan projek;
- iii. Mengadakan sesi perjumpaan bersama pemimpin masyarakat tempatan bagi mendapatkan maklumbalas pelaksanaan projek;
- iv. Melakukan pemeriksaan mengejut di premis syarikat yang terlibat dan
- v. Menjalankan audit ke atas dokumen dan rekod syarikat serta pusat jualan yang
terlibat.

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

RUJUKAN

M>'

SI

: 28

LISAN

NO AUP :

TUAN KARPAL SINGH [BUKIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

GELUGOR]

15 MAC 2012

4450

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada, selepas pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya, 1952 pada 15 April, 1983 untuk menjadikan hukuman mati mandatori bagi pengedaran dadah, adakah terdapat penurunan atau pengurangan dalam kes-kes pengedaran dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Statistik PDRM bagi tangkapan pengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi tempoh tiga tahun (2009 hingga 2011) menunjukkan peningkatan. Seramai 2,955 orang telah ditangkap di bawah seksyen tersebut pada tahun 2009 manakala 3,700 orang pula ditangkap pada tahun 2010. Pada tahun 2011 pula, seramai 3,845 orang telah ditangkap di bawah seksyen yang sama.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan peningkatan ini berlaku. Antaranya adalah:

- i. Keuntungan yang lumayan dan cepat hasil daripada aktiviti pengedaran dadah
- ii. Proses globalisasi yang mewujudkan dunia tanpa sempadan dan membuka ruang kepada aktiviti pengedaran dadah
- iii. Dadah sintetik lebih mudah diproses pada masa kini disebabkan formula dan bahan kimia untuk memproses dadah (precursor) mudah diperolehi

fi/b ' So acam.
NO AUM

NO 37

AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]

TARIKH 15 MAC 2012

RUJUKAN 4452

SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah rogol yang berlaku di Malaysia dari tahun 2003 hingga 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya jumlah kes bagi jenayah rogol di seluruh negara bagi tahun 2003 hingga 2011 adalah sebanyak 24,635 kes. Ini termasuk 1,479 kes pada tahun 2003, 1,765 kes pada tahun 2004, 1,931 kes pada tahun 2005, 2,431 kes pada tahun 2006, 2,098 kes pada tahun 2007, 3,409 kes bagi tahun 2008, 3,626 kes bagi tahun 2009, 3,595 kes bagi tahun 2010 dan 3,301 kes bagi tahun 2011.

A/O- *vrr^M.' 2>y

NO AUM

~~30~~
N
O AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH 15 MAC 2012
RUJUKAN 4451

SOALAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana sebilangan orang memiliki lebih daripada satu kad pengenalan contohnya, Amistari bin Mustari, K/P: 770111-12-5819, H 0888166, H 0556718. Adakah kesemua kad pengenalan tersebut tulen, jika tidak siapakah pemilik sebenar kad pengenalan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar kerana mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, seseorang individu hanya layak untuk memiliki satu kad pengenalan sahaja dan sekiranya memiliki lebih dari satu kad pengenalan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan- Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Berdasarkan semakan bagi nombor kad pengenalan 770111-12- 5819, didapati bahawa rekod tersebut adalah tidak wujud. Manakala bagi nombor kad pengenalan H 0888166 adalah dimiliki oleh Deliman Bin Sail dan H 0556718 pula adalah dimiliki oleh Ahmad Hasmi Bin Sukong. Pengeluaran nombor kad pengenalan H 0888166 dan H 0556718 adalah tulen dan nombor kad pengenalan yang diberikan ini juga tidak merujuk kepada nama Amistari bin Mustari.

Mr 3-T

NO AUM

: 39

~~NO~~
AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA
NERUS]**

TARIKH 15 MAC 2012

RUJUKAN 4646

SOALAN :

**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes kemalangan maut yang
berpunca daripada aktiviti merempit.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM tidak mengumpul data khusus bagi kemalangan maut berpunca dari kegiatan merempit. Pengumpulan data kegiatan merempit lebih tertumpu kepada aspek pencegahan bagi membanteras aktiviti tersebut.

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH

[SUBANG]

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan sedia melaksanakan dasar pengisytiharan aset oleh Menteri Kabinet dan hakim-hakim secara awam bagi memastikan integriti dalam pentadbiran Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan yang ada pada hari ini merupakan sebuah Kerajaan yang mengamalkan sikap telus dan terbuka. Oleh itu, Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaksanakan dasar perisytiharan harta Menteri Kabinet dan hakim-hakim bagi memastikan integriti dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota Pentadbiran sahaja, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**). Pada 27 Feburari yang lalu, saya telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa

dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Tuan Yang Di Pertua,

Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 1 Mac 2012 untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai perisytiharan harta oleh seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman. Sebagai langkah permulaan terhadap arahan ini, seseorang hakim dikehendaki mengisytiharkan harta dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan dan selepas itu bagi setiap 3 tahun melainkan jika seseorang hakim itu memperolehi harta tambahan atau melupuskan harta yang mana hendaklah mengisytiharkannya selepas perolehan atau pelupusan harta itu dilakukan. Segala tindakan yang diambil terhadap perisytiharan harta hakim adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kod Etika Hakim 2009.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PAD A
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN
DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]
15 MAC 2012 (KHAMIS)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tiada usaha pihak Kementerian untuk menjalankan rancangan-rancangan latihan untuk rakyat di kawasan Bakun dalam bidang akuakultur yang dijangka akan menjadi penjana ekonomi utama untuk penduduk setempat sebagai persediaan untuk memastikan terdapat tenaga kerja mahir terutamanya dalam bidang akuakultur apabila kualiti air di kawasan Tasik Bakun cukup sesuai untuk akuakultur.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Bakun adalah merupakan salah satu kawasan yang sudah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) di bawah NKEA Pertanian iaitu EPP 4: *Integrated Cage Farming*. Jabatan Pertanian Sarawak telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kemudahan asas bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri Sarawak hanya akan membenarkan pembangunan projek akuakultur di tasik empangan tersebut dilaksanakan selepas tempoh 3 tahun empangan hidro beroperasi. Ini adalah bagi memastikan persekitaran empangan hidro adalah stabil sebelum apa-apa aktiviti dijalankan di kawasan dalam tasik.

Jabatan Pertanian Sarawak telah menjalankan beberapa siri latihan menternak ikan dalam kolam untuk penduduk di Sungai Asap. Pada masa kini juga terdapat beberapa projek ternakan ikan dalam kolam di kawasan penempatan tersebut sebagai persediaan bagi bekalan tenaga kerja mahir dalam industri akuakultur. Pihak Jabatan Pertanian Sarawak juga telah merancang untuk menjalankan program latihan menternak ikan dalam sangkar termasuk pembinaan struktur sangkar dan pembenihan ikan yang sesuai untuk ternakan dalam sangkar bagi penduduk di kawasan tersebut sebagai langkah persediaan melibatkan diri dalam aktiviti akuakultur di tasik empangan hidro Bakun. Program ini hanya akan dijalankan dalam tahun 2013 setelah mengambilkira kemungkinan bahawa aktiviti akuakultur di tasik tersebut hanya akan diluluskan dalam tahun 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH	15.03.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian akan menggantikan bangunan Sekolah Rendah Tamil Castlefield di tapak sekolah lain di Puchong atas sebab padang sekolah tersebut direntasi oleh tiang landasan LRT. Kalau Kementerian setuju sekolah tersebut dipindahkan dari tapak yang sedia ada apakah Kementerian akan membiayai kos pemindahan dan kos pembinaan sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Castlefield merupakan sekolah bantuan kerajaan yang berpindah dari Ladang Castlefield pada Ogos 2005 dalam keluasan 2.78 ekar. Apabila kerajaan bercadang untuk pembinaan projek sambungan LRT laluan Kelana Jaya - Ampang, sebahagian tapak sekolah tersebut seluas 0.44 ekar telah terlibat tetapi tidak menjejaskan bangunan bilik darjah sedia ada. Bagi memastikan sekolah berkenaan menerima impak yang minimum, akibat dari projek berkenaan, KPM akan memastikan Syarikat Prasarana iaitu syarikat yang membangunkan projek tersebut, mengambil langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Ini termasuklah membina sistem penebat bunyi,

memasang 'Parapat' dan kelengkapan lain yang bersesuaian agar murid-murid dapat belajar dalam persekitaran yang lebih kondusif. KPM juga mendapat makluman bahawa sebahagian ibu bapa sekolah berkenaan berharap agar sekolah tersebut kekal di situ bagi memudahkan pergerakan anak-anak mereka ke sekolah. Dalam hal ini, KPM akan berusaha untuk memastikan sekolah berkenaan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan teratur walaupun projek berkenaan dilaksanakan.

//o- SoA-LAM'- SJ NO
AUM : 58
10 AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWANRAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

DARIPADA

15 MAC 2012

TARIKH

4455

SOALAN:
RUJUKAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah hasil siasatan terkini mengenai beberapa letupan di Mahkamah Duta pada 9 Januari 2012; dan
- (b) apakah hasil siasatan terkini mengenai isu kepala babi di Rawang dan Sentul dan mengapakah pihak berkuasa gagal untuk memberhentikan provokasi sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), terdapat 3 laporan polis telah dibuat berhubung kejadian letupan di perkarangan Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 9 Januari 2012. Ketiga-tiga kes tersebut diklasifikasikan di bawah Seksyen 7 Akta Bahan Letupan 1957 dan pada masa ini masih lagi dalam siasatan polis.

Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak tahun 2008 hingga Januari 2012, terdapat 11 laporan polis telah dibuat berhubung isu penemuan kepala babi di masjid dan surau di seluruh negara. Berhubung kejadian yang berlaku di Daerah Sentul dan Rawang, laporan polis telah dibuat dan kertas siasatan telah dibuka dibawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan (membencana atau memcemar tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan). Sehingga kini, tiada sebarang tangkapan dibuat dan pihak polis masih menyiasat kes tersebut.

Provokasi sedemikian agak sukar untuk diberhentikan memandangkan terdapat banyak surau dan masjid di seluruh negara. Namun demikian, pihak PDRM akan meningkatkan rondaan di sekitar kawasan surau, masjid dan tempat ibadat yang lain sebagai langkah

pencegahan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan meminda Artikel 121 Perlembagaan Malaysia kepada bentuk asalnya.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan

Sarawak, serta mahkamah bawahan yang diperuntukkan oleh undang-undang

Persekutuan. Mahkamah-mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan.

2. Sebelum pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988, Perkara 121 memperuntukkan bahawa "...the judicial power of the Federation shall be vested in two High Courts of coordinate jurisdiction and status, namely ... the High Court of Malaya ... and ... the High Court of Borneo ... and in such inferior courts as may be provided by federal law."

3. Pindaan yang dibuat pada tahun 1988 hanya menggantikan perkataan "vested" kepada "there shall be two High Courts ...". Sementara itu, perkataan "the jurisdiction ... as may be provided by federal law" masih dikekalkan. Justeru, maksud Perkara 121 kekal tidak berubah, sebelum dan selepas pindaan pada tahun 1988, bahawa kuasa kehakiman mahkamah tinggi dan mahkamah bawahan adalah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan.

4. Perkara ini juga telah diputuskan dalam kes **PP lawan Kok Wah Kuan [2007] 6 CLJ 341**. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perkara 121 kepada bentuk sebelum pindaan pada tahun 1988, kerana peruntukan yang sedia ada ini sememangnya mencerminkan bahawa Malaysia mempraktikkan pengasingan kuasa (*separation of power*) antara badan kehakiman, eksekutif dan perundangan, sejajar dengan konsep pengasingan kuasa dalam sistem demokrasi.

5. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan suatu sistem kawalan dan imbangan (*check and balances*) yang mencukupi dan menyeluruh terhadap sebarang kelebihan atau penyalahgunaan kuasa melalui doktrin pengasingan kuasa (*separation of powers*) dalam Kerajaan. Konsep pengasingan kuasa antara kehakiman, eksekutif dan perundangan telah jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya melalui Bahagian IV (Bab 3 bagi Badan Eksekutif dan Bab 4 bagi Badan Perundangan Persekutuan) dan Bahagian IX bagi Kehakiman. Setiap badan ini mempunyai kuasa eksklusif yang berbeza antara satu sama lain dan setiap daripadanya dilindungi daripada pencerobohan (*encroachment*) kuasa oleh yang lain. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH 15 MAC 2012

SOALAN:

TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai pengundi pos yang didaftarkan untuk mengundi di Sarawak adalah berasal dari Semenanjung Malaysia. Berikan pecahan angka tersebut di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi pos di Sarawak sehingga Daftar Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun

SOALAN NO.41

Ketiga (ST3/2011) seperti yang diwartakan pada 16 Februari 2012 adalah seramai 19,530 orang iaitu 12,896 orang daripada tentera, 6,597 orang daripada polis dan 37 orang dari luar negara. Walau bagaimanapun, SPR tidak mempunyai maklumat berhubung dengan jumlah anggota tentera dan polis yang berasal dari Semenanjung Malaysia tetapi mendaftar sebagai pemilih di Sarawak. Ini kerana pemohon hanya dikehendaki untuk membekalkan maklumat alamat tempat bertugas yang digunakan sebagai asas menetapkan bahagian pilihan raya dan tidak dikehendaki mengisi maklumat negeri asal (kelahiran) pemohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pecahan angka tersebut mengikut pecahan kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah:-

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	PEI NGUNDIPOS			JUMLAH
	TENTERA	POLIS	LUAR NEGARA	
N.01 OPAR	0	7	0	7
N.02 TASIK BIRU	0	90	0	90
N.03 TANJONG DATU	43	73	0	116
N.04 PANTAI DAMAI	0	16	0	16
N.05 DEMAK LAUT	0	2	0	2
N.06 TUPONG	0	30	2	32
N.07 SAMARIANG	0	90	1	91
N.08 SATOK	22	446	2	470
N.09 PADUNGAN	764	95	2	861
N.10 PENDING	606	525	0	1,131
N.11 BATU LINTANG	0	52	2	54
N.12 KOTA SENTOSA	3,254	78	2	3,334
N.13 BATU KAWAH	0	761	7	768
N.14 ASAJAYA	0	20	0	20
N.15 MUARA TUANG	3,878	75	2	3,955
N.16 BENGHOH	0	425	0	425
N.17 TARAT	0	6	0	6
N.18 TEBEDU	0	20	0	20
N.19 KEDUP	0	110	1	111
N.20 SADONG JAYA	0	1	0	1
N.21 SIMUNJAN	0	91	0	91
N.22 SEBUYAU	0	5	0	5
N.23 LINGGA	0	3	0	3
N.24 BETING MARO	0	0	0	0

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	PEMILIH POS			JUMLAH
	TENTERA	POLIS	LUAR NEGARA	
N.25 BALAI RINGIN	0	6	1	7
N.26 BUKIT BEGUNAN	0	105	0	105
N.27 SIMANGGANG	828	163	0	991
N.28 ENKILI	0	9	1	10
N.29 BATANGAIR	0	40	0	40
N.30 SARI BAS	0	4	0	4
N.31 LAYAR	0	87	0	87
N.32 BUKIT SABAN	0	1	0	1
N.33 KALAKA	0	104	0	104
N.34 KRIAN	0	0	0	0
N.35 BELAWAI	0	3	0	3
N.36 SEMOP	0	0	0	0
N.37 DARO	0	32	0	32
N.38 JEMORENG	0	1	0	1
N.39 REPOK	0	226	0	226
N.40 MERADONG	0	60	0	60
N.41 PAKAN	0	0	0	0
N.42 MELUAN	0	52	0	52
N.43 NGEMAH	0	1	0	1
N.44 MACHAN	0	57	0	57
N.45 BUKIT ASSEK	0	9	1	10
N.46 DUDONG	0	585	0	585
N.47 BAWANG ASSAN	0	0	0	0
N.48 PELAWAN	0	9	0	9

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	PELINDUNG POS			JUMLAH
	TENTERA	POLIS	LUAR NEGARA	
N.49 NANGKA	2,551	644	0	3,195
N.50 DALAT	0	57	0	57
N.51 BALINGIAN	0	71	0	71
N.52 TAMIN	0	5	0	5
N.53 KAKUS	0	29	0	29
N.54 PELAGUS	180	69	0	249
N.55 KATIBAS	0	49	0	49
N.56 BALEH	0	0	0	0
N.57 BELAGA	0	37	1	38
N.58 JEPAK	0	0	0	0
N.59 KIDURONG	0	108	1	109
N.60 KEMENA	0	0	0	0
N.61 BEKENU	0	10	0	10
N.62 LAMBIR	0	0	2	2
N.63 PIASAU	0	30	0	30
N.64 PUJUT	0	171	3	174
N.65 SENADIN	770	366	0	1,137
N.66 MARUDI	0	27	0	27
N.67 TELANG USAN	0	25	0	25
N.68 BUKIT KOTA	0	231	0	231
N.69 BATU DANAU	0	1	4	5
N.70 BA'KELALAN	0	0	0	0
N.71 BUKIT SARI	0	92	1	93
JUMLAH	12,896	6,597	37	19,530

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH

15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapa 2 rumah terbuka Tahun Baru Cina Kerajaan (satu oleh Menteri Pengangkutan pada 24/2/2012 di Marina Island, Sitiawan dan satu oleh Perdana Menteri pada 28/1/2012 di Padang Astaka, Sitiawan) diadakan di satu kawasan yang sama dan berapakah jumlah perbelanjaan setiap rumah terbuka tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2012 yang diadakan pada 28 Januari 2012 di Sitiawan Perak merupakan Majlis Rumah Terbuka Peringkat Nasional yang telah dirancang sejak awal. Pemilihan Sitiawan antara lain ialah kerana Padang Lapangan Terbang Sitiawan sesuai untuk majlis yang boleh menampung kehadiran melebihi 60 ribu orang masyarakat pelbagai kaum untuk berinteraksi dan bermesra dalam suasana harmoni.

SOALAN NO: 42

Perbelanjaan yang sesuai dan mencukupi telah digunakan bagi tujuan jamuan rakyat, persembahan kesenian pelbagai kaum, persiapan tempat dan kemudahan, pengangkutan dan keperluan teknikal.

Kementerian ini tiada kaitan dengan penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Marina Island Sitiawan pada 24 Januari 2012 kerana ianya adalah majlis Rumah Terbuka YB Menteri Pengangkutan sendiri yang juga adalah Ahli Parlimen kawasan Lumut. Jabatan Penerangan Malaysia hanya terlibat untuk melancarkan aktiviti *Kembara Jalinan Kasih* di negeri Perak di tempat yang sama.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2012

Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyemak semula Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mengelakkan berbilion ringgit dana KWSP dengan sewenang-wenangnya digunakan sebagai pinjaman kepada Yayasan Wilayah Persekutuan dan FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif pelaburan KWSP adalah bersifat jangka panjang dan disertai pengurusan risiko pelaburan yang berhemah. Ini bagi memastikan simpanan ahli sentiasa terjamin dari segi keselamatan, kecairan serta mampu memberi pulangan yang baik. Bagi memastikan pelaburan KWSP dalam sesuatu projek termasuk projek-projek infrastruktur adalah selamat dan setelah mengambilkira risiko-risiko yang akan dihadapi, beberapa proses kelulusan akan dilalui yang berlandaskan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Panel Pelaburan KWSP yang mana sebahagian daripada ahlinya adalah terdiri daripada badan-badan professional dan seterusnya YB Menteri Kewangan.

2. Di antara kriteria-kriteria yang diambil kira dalam memastikan pelaburan KWSP adalah terjamin dan membawa keuntungan adalah:

- (i) Keupayaan sesuatu syarikat sama ada dapat memberikan pulangan yang baik atau tidak atas pelaburan KWSP;
- (ii) Potensi pertumbuhan projek dalam tempoh jangka panjang yang merangkumi aliran tunai syarikat sesuatu projek adalah kukuh supaya pelaburan boleh dilaksanakan;
- (iii) Kumpulan Pengurusan Syarikat yang berwibawa dan teguh;
- (iv) Risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi ke atas sesuatu projek dengan tujuan KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang;
- (v) Proses dokumentasi perundangan yang ketat dan tidak boleh dipertikaikan dengan mewujudkan beberapa waad yang mana kelulusan daripada KWSP adalah perlu sebelum sebarang tindakan boleh diambil yang boleh menjejaskan obligasi pembayaran balik pinjaman KWSP; dan
- (vi) Pemantauan dan pengawasan yang berterusan ke atas prestasi sesuatu projek dan akan melaporkan kepada Panel Pelaburan KWSP dari masa ke semasa.

**SOALAN NO.
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

YB. KAWASAN

TUAN NGA KOR MING TAIPING

15 TARIKH

MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci nama syarikat, berapakah jumlah kos pembinaan Lapangan Terbang Kuala Terengganu serta kos sampingan terlibat termasuk *variation order* (VO) projek awam tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003 telah bersetuju untuk memilih cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang sedia ada berbanding cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri tersebut. Projek menaik taraf lapangan terbang itu telah dimulakan pada tahun 2004 dan ia siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2010.

Projek ini dibahagikan kepada 4 pakej utama, iaitu Pakej 1 - Menaik Taraf *Parking Apron* yang melibatkan harga kontrak sebanyak RM10.4 juta; Pakej 2 - Menaik Taraf Bangunan Terminal (RM141.7 juta); Pakej 3 - Pemanjangan *Runway* (RM198.8 juta); dan Pakej 4 yang terbahagi kepada 3 sub-pakej, iaitu Pemanjangan Landasan Arah Laut dan lain-lain infrastruktur (RM205.7 juta), dan Penambakan Laut dan Kawalan Hakisan Pantai yang melibatkan 2 kontrak berasingan, masing-masing bernilai RM323.2 juta dan RM6.1 juta. Manakala kos bagi tujuan pengambilan balik tanah ialah sebanyak RM61.6 juta dan kos pengawasan projek pula ialah berjumlah RM1.5 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga kontrak bagi pakej- pakej di atas telah mengambil kira kos Perubahan Kerja (VO) dan kos Penyelarasan Harga (VOP) berikutan daripada kenaikan harga bahan binaan di pasaran pada tahun 2008. Sehubungan itu, kos keseluruhan untuk projek menaik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini ialah sebanyak RM949 juta.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN:

45 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 15 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana untuk membantu Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menghadapi masalah kekurangan keyakinan sektor swasta memandangkan nisbah Swasta:GLC:Kerajaan saham pelaburan swasta GLC Kerajaan dari pelaburan yang dijanjikan sebanyak RM177 bilion dalam update ke-8 adalah 35:40:25 berbanding dengan sasaran PEMANDU iaitu 60:32:8.

JAWAPAN

Nisbah 60:32:8 bagi swasta:GLC: pelaburan awam adalah sasaran bagi tempoh sepuluh tahun. Pasukan NKEA di bawah PEMANDU giat berhubung dengan pemilik projek sektor awam dan swasta untuk memastikan kemajuan ETP berjalan lancar. Ia perlu dijelaskan bahawa *Progress Update* bagi ETP mewakili gambaran kemajuan dan tidak merangkumi segala alam semesta NKEA.

Terdapat dua projek dalam Progress Update yang merangkumi peratusan besar daripada jumlah pelaburan, iaitu projek Lembah Klang MyRapid Transit (MRT) dan projek RAPID oleh PETRONAS. Pelaburan ini tersebar dalam tempoh beberapa tahun mengikut tempoh pembinaan

MRT yang lanjut hingga tahun 2017. Ini juga merupakan situasi bagi projek RAPID yang akan mengambil beberapa tahun di mana pelaburan akan tersebar sepanjang tempoh projek.

Prestasi ETP bagi tahun 2011 dari segi *'realised investments'* amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion. Sehingga suku ketiga tahun 2011, sebanyak 514,300 peluang pekerjaan telah dijanakan berbanding dengan sasaran 684,000. Pihak kerajaan yakin bahawa sasaran tersebut boleh dicapai. Angka-angka tersebut berasal daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM 94 billion pada tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan *FDI Confidence Index 2012* yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.

Sepanjang tempoh ini, defisit fiskal Kerajaan terus dikurangkan kepada 5 peratus menewaskan ramalan 5.4 peratus. Ini tanda-tanda yang amat menggalakkan untuk ekonomi pada tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BT MOHD YUSOFF

(RANTAU PANJANG)

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN 46

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kedudukan terkini nasib anak-anak luar nikah di seluruh negara kerana angkanya yang semakin meningkat dan apakah jalan penyelesaiannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius akan perbuatan seks luar nikah sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung. Usaha menangani kegiatan ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab KPWKM semata-mata. Dalam hal ini, kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan, badan-badan agama, sektor korporat dan masyarakat umum amat penting bagi membendung masalah ini secara bersepadu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 759 kes kanak-kanak hamil luar nikah (berumur 18 tahun ke bawah) yang mendapat perkhidmatan perlindungan dan pemulihan di empat (4) buah Taman Seri Puteri yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun 2004 hingga 2011.

Selain itu, jumlah kes remaja hamil luar nikah yang berumur 18 tahun ke atas yang mendapat perlindungan dan pemulihan JKM melalui dua buah Pusat Jagaan Sinar Kasih dari tahun 2008 hingga 2011 adalah

sebanyak 695 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain institusi JKM, Sekolah Harapan untuk remaja hamil di Melaka telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 17 September 2010. Pada masa ini, terdapat seramai 34 orang remaja hamil luar nikah yang mendapatkan perlindungan dan menjalani pemulihan di sekolah tersebut. Sejak penubuhannya, sekolah ini telah menerima masuk seramai 50 orang remaja hamil luar nikah dari seluruh negeri Melaka.

Berdasarkan kepada pemantauan yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, adalah didapati bahawa tiada kes berulang bagi kanak-kanak yang menjalani program pemulihan di Taman Seri Puteri dan Sekolah Harapan. Manakala bagi wanita yang menjalani program pemulihan, terdapat sebanyak dua kes yang berulang melakukan seks luar nikah sehingga mengandung anak luar nikah di Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan kelahiran anak tidak sah taraf, statistik Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN), menunjukkan bahawa bilangan kelahiran anak tidak sah taraf adalah seramai 46,822 orang bagi tahun 2008, 52,378 orang (tahun 2009) dan seramai 52,982 orang (tahun 2010). Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kelahiran anak tidak sah taraf bagi tempoh tiga tahun ialah seramai **152,182** orang.

Berhubung dengan anak tak sah taraf yang tidak mempunyai ibu bapa, JKM memberi perlindungan dan penjagaan kepada mereka di sebelas (11) buah Rumah Kanak-Kanak (RKK) di seluruh negara. Dalam hal ini terdapat seramai 91 orang anak tak sah taraf di RKK pada ketika ini.

Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan, KPWKM amat serius terhadap kelahiran anak luar nikah. Dalam hal ini antara usaha yang diambil bagi menangani isu tersebut ialah :

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di

luar nikah;

- ii) KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. pada bulan April tahun 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, termasuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama menangani kelahiran anak luar nikah;

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam program PLKN mulai siri ke-2 pada bulan Julai 2011. Program ini telah melibatkan seramai 51,928 orang pelatih PLKN di 85 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, seramai lebih 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan;

- iv) Melalui LPPKN juga telah ditubuhkan sebanyak 6 buah pusat remaja kafe@TEEN yang mensasarkan golongan muda berumur antara 13

dan 24 tahun. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko, termasuk perlakuan seksual sebelum nikah. Program “*outreach*” kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 278,556 orang remaja melalui 4,886 program/aktiviti dari November 2005 sehingga Disember 2011; dan

- v) Menyediakan talian perkhidmatan iaitu Talian Nur 15999 bagi membantu mereka yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling serta mendapatkan bantuan tanpa hadir secara fizikal, termasuk untuk mendapatkan perlindungan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN LIM UP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH

15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan status terkini bangunan Istana Negara lama dan rancangan kegunaan bangunan tersebut kelak berserta kos perbelanjaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Istana Negara lama telah diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada 21 Februari 2012. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 18 Januari 2012 telah memutuskan supaya bangunan utama Istana Negara lama dikekalkan sebagai bangunan Warisan Kebangsaan untuk dilawati dengan mengekalkan segala peralatan dan hiasan untuk melambangkan kemegahan institusi beraja yang unik di dunia.

Memandangkan Istana Negara lama telah menjadi tempat bersemayam 13 orang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak kemerdekaan

SOALAN NO: 47

negara pada tahun 1957, Kementerian ini bercadang menubuhkan Galeri Institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan di bangunan belakang (Annex). Selain itu, Istana Negara lama juga akan digunakan untuk penganjuran acara-acara *high end* seperti MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) yang bertaraf eksklusif.

Dari segi pemilikan, bangunan Istana Negara lama akan dikekalkan sebagai hakmilik kerajaan serta dicadang untuk diuruskan oleh pihak swasta secara *Request for Proposal (RFP)*. Buat masa ini, kos perbelanjaan penyelenggaraan dan pembersihan bangunan ditanggung oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sehingga RFP diberi kepada syarikat yang berjaya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN NO. 48

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan tahap pelaksanaan pembangunan kompleks sukan di Seksyen 6, Wangsa Maju setakat ini dan bilakah ianya akan siap serta jenis-jenis kemudahan yang akan ditawarkan

SULIT

kepada rakyat.

JAWAPAN

Kerja-kerja pembinaan di Kompleks Sukan Seksyen 6, Wangsa Maju telah pun mencapai kemajuan sebanyak 45.31%. Kerja-kerja penyambungan projek ini telah dimulakan pada 13 Jun 2011 dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini (Jun 2012). Antara kemudahan yang terdapat di Kompleks Sukan Wangsa Maju ialah Dewan Serba Guna yang mengandungi sebuah gelanggang futsal dan 6 buah gelanggang badminton, sebuah kolam renang dan kolam terjun, sebuah padang bola sepak, sebuah trek larian sintetik (6 *lane*) dan trek jogging.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATUK NUR JAZLAN BIN

MOHAMED [PULAI]

TARIKH

15.03.2012 (KHAMIS)

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pekedai runcit kecil di kawasan luar bandar yang terjejas kerana pertambahan hypermarket besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peruncit-peruncit kecil merupakan komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara dan Kerajaan sentiasa mengambil berat dan peka terhadap perkembangan pemiagaan peruncitan di dalam negara ini.

Pada tahun 2011, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Sektor Pemborongan dan Peruncitan yang bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan

dan asing sebagai tanggungjawab sosial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan. Elemen-elemen yang diterapkan dalam program transformasi ini ialah perubahan fizikal kedai, peralatan dan mesin terutamanya memperkenalkan *point of sales (POS) system* dan latihan kepada peruncit berkaitan dengan pengurusan kedai yang lebih sistematik.

Pada tahun 2011, sebanyak 519 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan diseluruh negara melebihi sasaran iaitu 500 buah kedai runcit dimodenkan. Manakala pada tahun 2012, Kerajaan mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit lagi dimodenkan. Sehingga 24 Februari 2012, sebanyak 49 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan manakala 451 buah kedai lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara.

Berdasarkan kepada data jualan kedai runcit yang telah menyertai program ini, didapati kebanyakan kedai-kedai runcit tersebut telah mengalami purata peningkatan pendapatan bulanan di antara 11 hingga 63 peratus.

Disamping itu juga, Kerajaan sentiasa memantau pertambahan hypermarket besar di dalam negara dan memastikan peraturan penglibatan asing dalam perkhidmatan perdagangan pengedaran di Malaysia di patuhi.

SOALAN NO. 50

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

TARIKH : 15 MAC 2012

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian ada memantau dan mengkaji masalah pelaksanaan Projek Bantuan Rumah (PBR) untuk rakyat miskin dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan pedalaman Sarawak di mana kos dan mutu kerja adalah menjadi isu besar dan menyebabkan banyak bantahan daripada penerima bantuan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sememangnya memantau dan mengambil tindakan bagi menangani permasalahan kualiti dan mutu kerja pembinaan rumah yang rendah ekoran kenaikan kos bahan pembinaan khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Justeru itu, Kementerian telah melaksanakan Kajian Semula Kadar Bantuan Rumah

dan telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 21 Disember 2011 untuk menaikkan kadar bantuan Rumah 3 Bilik daripada RM40,000 kepada RM50,000 bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan kadar kos ekstrem sehingga RM 12,000 bagi menampung peningkatan kos pengangkutan bahan binaan di kawasan-kawasan yang terpencil.

Berdasarkan kadar bantuan yang baru ini, Kementerian yakin dan percaya ianya dapat menangani isu-isu kenaikan harga bahan binaan yang boleh menjejaskan kualiti dan mutu kerja binaan rumah-rumah PBR khususnya di kawasan pedalaman.

Dalam konteks mewujudkan mekanisme penyelarasan dan pemantauan yang rapi, Kementerian ini telah mewujudkan rangkaian kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sarawak dan Pejabat-pejabat Daerah bagi menangani dan menyelesaikan isu dan permasalahan membabit pelaksanaan PBR di Negeri Sarawak. Selain itu, dalam usaha memastikan kualiti dan mutu kerja binaan rumah PBR yang baik, Kementerian ini juga telah menyediakan **Pelan Standard Rumah PBR** dan ianya diperincikan lagi melalui Garis Panduan Pelaksanaan PBR Tahun 2012.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH

15 MAC 2012

Mb' ZofrCfrAf. ST1 NO

RUJUKAN

4456

: ~~69~~

~~NO AUP :~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota PDRM luar bandar yang ditugaskan di Kuala Lumpur/Selangor semenjak Ops Payung dilancarkan dan di manakah mereka ditempatkan dan kos yang terperinci sepanjang Ops Payung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Ops Payung adalah merupakan satu program pencegahan jenayah yang dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Selangor yang berkonsepkan “*077171 presence*” iaitu untuk menunjukkan kehadiran fizikal pegawai dan anggota PDRM di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bagi tujuan pencegahan jenayah, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keselamatan mereka dan memperlihatkan kepada masyarakat tentang tugas - tugas kepolisan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

Jumlah anggota PDRM dari luar kontinjen yang terlibat untuk penugasan di Kuala Lumpur dan Selangor adalah seramai seribu dua puluh empat (1024) orang. Pecahan anggota adalah seramai 531 orang pegawai dan anggota ditempatkan di Kuala Lumpur manakala seramai 493 orang ditempatkan di Selangor.

Kawasan penugasan yang terlibat dalam Ops Payung adalah seperti di sekolah, pusat membeli-belah, stesen monorail, tempat-tempat tumpuan

orang ramai, seperti pusat perbankan, institusi kewangan, pusat-pusat perniagaan dan perdagangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]
TARIKH 15 MAC 2012
SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan memandangkan hari ini pakar-pakar perubatan Kerajaan diizinkan berkhidmat secara sambilan di hospital swasta, adakah Kerajaan sanggup menambah bilangan pakar-pakar perubatan dari luar negara untuk berkhidmat di hospital Kerajaan, memandangkan pada hari ini tempoh menunggu khidmat pakar di hospital Kerajaan erlalu lama, hingga sering berlaku keadaan di mana pesakit-pesakit terpaksa mendapat rawatan di hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat diberi keutamaan selaras dengan hasrat YAB Perdana

Menteri supaya “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” **SOALAN NO : 53**

Sehubungan itu, bagi memastikan perkhidmatan kepakaran dapat dipertingkatkan, KKM dari semasa ke semasa telah menambah bilangan tempat bagi Pegawai Perubatan mengikuti kursus kepakaran di dalam dan luar negara. ini dapat dilihat di mana sebelum tahun 2010 hanya 600 tempat diperuntukkan dan bilangan ini telah meningkat kepada 800 tempat mulai tahun 2011. Pada masa ini, terdapat seramai 2,394 orang Pegawai Perubatan KKM yang sedang mengikuti kursus kepakaran dan akan kembali berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Pakar secara berperingkat. Melalui usaha ini, bilangan Pegawai Perubatan Pakar di KKM telah dapat dipertingkatkan di mana pada 30 September 2011 terdapat seramai 3,052 Pegawai Perubatan Pakar di KKM iaitu 78.1% pengisian berbanding jumlah perjawatan.

Di samping itu, bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar di KKM dalam jangka masa pendek, Kementerian telah melantik Pegawai Perubatan Pakar secara kontrak di kalangan warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM. Pelantikan Pegawai Perubatan Pakar kontrak di kalangan bukan warganegara ini adalah berdasarkan keperluan bidang kepakaran yang ditentukan oleh KKM.

daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

2. Sehingga 31 Januari 2012, sejumlah 1,623 permohonan yang bernilai RM238.9 juta telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, 280 permohonan telah berjaya diberikan jaminan dengan nilai pinjaman RM41.1 juta. Sebahagian besar peminjam adalah terdiri daripada kaum Cina iaitu seramai 152 peminjam atau 55%, diikuti kaum Melayu seramai 93 peminjam (33%) dan kaum India seramai 29 peminjam (10%).

3. Jika dikategorikan mengikut negeri, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 96 permohonan bernilai RM 14.4 juta, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (57 permohonan; RM8.5 juta), Johor (32 permohonan; RM4.8 juta), Pulau Pinang (21 permohonan; RM2.9 juta), Perak (20 permohonan; RM2.8 juta), Melaka (17 permohonan; RM2.4 juta), Sabah (13 permohonan; RM1.9 juta), Kedah (8 permohonan; RM1.1 juta), Negeri Sembilan (7 permohonan; RM916.5 ribu), Pahang (6 permohonan; RM966.9 ribu), Terengganu (2 permohonan; RM265 ribu) dan Sarawak (1 permohonan; RM192 ribu). Bagi negeri Perlis, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya, masih tiada permohonan diterima sehingga 31 Januari 2012.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN HASBI BIN
HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

TARIKH

15 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan agar Kerajaan dapat menyediakan peruntukan untuk meneruskan pembinaan Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai/ Pengkalan Rejab/ Sungai Poyan Fasa 3 dalam "second rolling plan" RMK- 10 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembinaan Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai / Pengkalan Rejab/ Sungai Poyan Fasa 3 tidak diluluskan di bawah "second rolling plan" RMKe-10.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menyenaraikan projek ini di bawah "third rolling plan"RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada 2013-2015.

Disediakan oleh:

Tandatangan	Telefon
Nama	WAN AZILAWATI BINTI
Pegawai	WAN MAHMOOD
Jawatan	Ketua Penolong
No.	Setiausaha 03 - 8891 2248

Disemak oleh

Tandatangan	ZUBIR BIN ABD GHANI
Nama	Setiausaha
Pegawai	Bahagian
Jawatan	Infrastruktur 03 - 88912244
No. Telefon	
HJ. AHMAD	

Diluluskan oleh :

Tandatangan	No. Telefon
Nama Pegawai	DATO' YUSSOFF BIN DOHAB
Jawatan	:Timbalan Ketua Setiausaha (Sosio Ekonomi)
Kementerian	: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 03 -

88912063

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kos Konsultan yang dibayar oleh Khazanah Nasional daripada Jun 2004 sehingga 29-2-2012 dan berapakah Khazanah Nasional membayar Konsultan fi kepada BinaFikir Sdn. Bhd. untuk perlaksanaan projek "Widespread Asset Un-bundling" yang gagal untuk MAS dan senaraikan konsultan-konsultan yang dilantik oleh MAS termasuk syarikat PlaneConsult daripada 9-8-2011 hingga 29-2-2012 dan fi konsultan telah dibayar atau akan dibayar oleh MAS kepada setiap konsultan-konsultan tersebut daripada 9-8-2011 sehingga 29-2-2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara Mei 2004 hingga Disember 2011, jumlah kos bagi khidmat perunding luar yang dibelanjakan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mewakili kira-kira 0.6% daripada jumlah nilai urusan niaga pelaburan (RM45.5 bilion) dan pelupusan (RM31.7 bilion) yang merangkumi perkhidmatan berkaitan Program Transformasi GLC; yuran profesional berkaitan bahagian kewangan, sumber manusia, perundangan dan

pelaburan; kajian sektor dan lain-lain.

Kadar ini adalah lebih rendah berbanding kadar pasaran bagi khidmat perunding luar yang biasanya dibayar oleh institusi pelaburan lain iaitu antara 1.0% hingga 1.5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi khidmat perunding luar, Malaysia Airlines System Bhd (MAS) telah melantik sejumlah 14 juru perunding bagi 16 kontrak sejak 9 Ogos 2011 (pengumuman pertukaran saham MAS-AirAsia) di mana 5 kontrak yang bernilai sejumlah RM14.4 juta adalah untuk pembaharuan. Manakala 11 kontrak termasuk konsultan PlaneConsult adalah bertujuan bagi khidmat tugas baru yang bernilai sebanyak RM10.5 juta.

Bagi mematuhi aku janji kerahsiaan dan peruntukan di dalam perjanjian yang ditandatangani di antara MAS dan pihak konsultan, pendedahan nilai setiap kontrak adalah tidak dibenarkan.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' JOHARI BIN ABDUL

TARIKH

15 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan dalam penyenaian FELDA Global Ventures di Bursa Malaysia

(a) Adakah tanah FELDA yang luasnya 350 ribu hektar akan dipajakan kepada FELDA Global Ventures; dan

(b) Adakah Kerajaan akan menjadikan Surat Pajakan FELDA dengan FELDA Global Ventures sebagai dokumen awam yang boleh diteliti oleh orang ramai

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya tanah milik FELDA sahaja yang akan disewa secara jangka panjang kepada FELDA Global Ventures Holdings (FGVH), manakala tanah hakmilik peneroka tidak akan disentuh/diusik dalam proses penyenaiaan ini.

Manakala, Dokumen perjanjian sewaan jangka panjang di antara FELDA dan FGVH ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Malaysia Akta 671 (Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007) di bawah Seksyen 241 yang menyatakan maklumat tersebut tidak boleh didedahkan kepada umum sehingga proses penyenaiaan selesai.

Dengan penyenaiaan ini, FGVH akan dapat merungkai nilai tanah ladang tersebut di samping dapat meningkatkan produktiviti ladang. Secara tidak langsung, peneroka FELDA pada masa akan datang berpeluang untuk berkongsi hasil keuntungan ladang yang diuruskan FGVH melalui penyenaiaan ini.

000000 000000000000

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

Lenggong (2 April 2012), Kalabakan (10 April 2012) dan Tanjung Malim (11 April 2012) kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan.

Soalan-soalan tersebut menyentuh empat perkara berikut;

- i. Rasional dan manfaat penyenaian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) kepada peneroka dan rakyat termasuk jaminan Kerajaan bahawa peneroka tidak akan rugi.
- ii. Tahap persediaan dan kemajuan terkini penyenaian.
- iii. Pemahaman dan persetujuan peneroka ke atas penyenaian.
- iv. Prestasi pelaburan FGVH dan strategi masa depan FGVH untuk memberi pulangan lumayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjamin bahawa masa depan peneroka akan sentiasa terjaga sebelum dan selepas penyenaian serta segala keistimewaan yang dinikmati seperti prasarana rancangan, insentif produktiviti atau bonus, pemberian Hari Raya, khairat kematian, program pendidikan dan latihan kemahiran untuk generasi FELDA serta program keusahawanan akan terus disediakan. Manakala, tanah kebun dan tapak rumah serta saham milik peneroka dalam KPF tidak akan sama sekali diusik walaupun sedikit. Penyenaian ini bakal menguntungkan peneroka FELDA di mana FGVH akan dapat merungkai nilai daripada aset-aset miliknya dari prospek perniagaan yang baik serta memperoleh dana untuk membiayai pertumbuhan masa depan yang mana tentunya tidak akan merugikan peneroka.

Di samping itu, manfaat ekonomi peneroka dapat ditingkatkan melalui

perkongsian keuntungan yang dijana selepas penyenaiaan. Peneroka juga akan mendapat durian runtuh sepertimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri dan berpeluang untuk membeli saham FGVH semasa penyenaiaan. Manfaat ekonomi daripada penyenaiaan ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh warga dan pekerja FELDA malahan dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia melalui penyertaan pelbagai kumpulan pelabur semasa dan selepas penyenaiaan.

Tindakan ini juga adalah selaras dengan Dasar mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRIB) dan Model Baru Ekonomi. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk menambahbaik kecairan pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di sektor swasta. Penyenaiaan FGVH di dalam Bursa Malaysia akan mewujudkan salah sebuah syarikat multinasional terbesar di dunia yang berasaskan agri-bisnes bersepadu dan dinamik. Ini juga akan dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti FGVH seiring dengan pelaku industri perladangan global yang lain.

Kajian manfaat penyenaiaan FGVH telah dibuat dengan teliti oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan bersama perunding strategi serta penasihat yang telah dilantik sekarang ini dalam fasa terakhir proses penyenaiaan. FGVH juga sentiasa memperkukuhkan barisan pengurusan dengan mendapatkan bakat-bakat terbaik industri dan menjalin usahasama dengan rakan kongsi strategik bagi mengembangkan perniagaan hiliran ke serata dunia.

Menyentuh kepada soalan sama ada persetujuan daripada peneroka telah

diterima, berdasarkan maklum balas daripada sesi penerangan yang telah diadakan, sebahagian besar masyarakat peneroka FELDA telah menyatakan sokongan terhadap penyenaian ini. Manakala minoriti yang tidak menyokong adalah disebabkan oleh hasutan pihak-pihak tertentu. Banyak sesi penerangan kepada masyarakat peneroka telah diadakan sejak beberapa bulan yang lepas dan usaha ini akan diteruskan di samping saluran-saluran media yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGVH merupakan anak syarikat milik penuh FELDA iaitu sebuah agensi Kerajaan di bawah seliaan Menteri yang bertanggungjawab. Oleh itu, keputusan penyenaian FGVH telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah FGVH, FELDA dan Menteri yang bertanggungjawab.

Menyentuh soalan berkaitan prestasi semasa pelaburan FGVH bagi tahun berakhir 2009 dan 2010, keuntungan sebelum cukai bagi Kumpulan FGVH masing-masing adalah sebanyak RM203 juta dan RM366 juta sementara tahun 2011 masih diaudit. Prestasi semasa perniagaan luar negara kini menunjukkan peningkatan yang baik. Ingin saya maklumkan bahawa pelaburan global di 12 buah negara (Amerika Syarikat, Kanada, China, Turki, Afrika Selatan, Australia, Indonesia, Thailand, Pakistan, India, Perancis dan Arab Saudi) yang dibuat oleh FGVH merupakan strategi jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada penjualan minyak sawit sahaja. Pelaburan luar negara ini secara tidak langsung telah mewujudkan rantaian nilai bersepadu (*integrated value-chain*) yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleokimia, minyak dan lemak yang bakal

membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri di dalam industri pengeluaran barangan pengguna (*consumerproducts industry*).

Manakala mengenai soalan berkaitan strategi perniagaan, di antara strategi utama FGVH bagi meningkatkan pulangan adalah peningkatan kecekapan operasi secara berterusan, pengukuhan tahap tadbir urus dan pengembangan perniagaan di peringkat global. FGVH juga akan tetap memberi fokus untuk mengembangkan perniagaan huluannya terutama di rantau ASEAN dan benua Afrika dan hilirannya ke serata dunia.

Sebagai kesimpulan, penyenaiaan FGVH ini adalah satu inisiatif sejajar dengan matlamat transformasi negara yang bukan sahaja menguntungkan warga FELDA malah dapat dikongsi nikmat kemakmurannya oleh seluruh rakyat Malaysia.

oocx)oooooooooooooooo

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2012**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB TUAN AMRAN BIN AB
GHANI
(TANAH MERAH)**

TARIKH

15 MAC 2012
SOALAN : 58

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :

- (a) Dengan terperinci hak milik tanah KESEDAR yang telah diserahkan kepada peserta KESEDAR di Kelantan; dan

(b) berapakah jumlah hutang yang ditanggung oleh peserta KESEDAR bagi tahun 2008 hingga 2011.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, luas kawasan tanah yang terlibat dengan peserta KESEDAR adalah seluas 10,463 hektar. Daripada jumlah keluasan tersebut, seluas 9,727 hektar telah diberi hak milik oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada KESEDAR dan bakinya seluas 736 hektar masih dalam proses pindah hak milik.

Setakat ini, KESEDAR masih belum memberi hak milik tanah-tanah tersebut kepada peserta memandangkan mereka masih belum habis membuat pembayaran pinjaman pembangunan ladang dan

perumahan di atas tanah tersebut.

Jumlah hutang yang ditanggung oleh peserta KESEDAR bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut :

Tahun 2008 : RM75.04 juta;

Tahun 2009 : RM75.01 juta;

Tahun 2010 : RM74.94 juta; dan

Tahun 2011 : RM74.86 juta.

SOALAN NO :58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH 15 MAC 2012
SOALAN

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN
menyatakan

- a) Bilangan Klinik 1 Malaysia yang telah ditubuhkan di negeri Sarawak; dan
- b) Adakah Kerajaan merancang membina sebuah Klinik 1 Malaysia di Sibu Jaya, Sibu memandangkan penduduknya telah melebihi 20,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 9 Klinik 1 Malaysia di Negeri Sarawak iaitu tiga (3) di Kuching, dua (2) di Miri, tiga (3) di Sibul dan satu (1) di Bintulu. Berkaitan dengan pembinaan Klinik Kesihatan di Sibul Jaya, ia sedang dalam proses tender.

Sehingga kini, terdapat 9 buah klinik 1 Malaysia di Sarawak yang telah menelan perbelanjaan sebanyak RM2,921,359 sepanjang tahun 2010 dan 2011.

NO. SOALAN : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PERTANYAAN :	JAWAB LISAN
TARIKH	DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]	
RUJUKAN	15 MAC 2012 4457	

SOALAN:

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemajuan program 6P pekerja-pekerja asing dan langkah-langkah berkesan mengatasi kekurangan pekerja oleh majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Program 6P melibatkan enam proses utama iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Proses Pendaftaran dan Pengampunan telah pun dilaksanakan manakala Proses Pemantauan dijalankan dari masa ke semasa. Dalam Proses Pendaftaran yang telah dilaksanakan mulai 1 Ogos hingga 31 Ogos 2011, seramai 1.3 juta PATI telah didaftarkan.

Pada masa kini, Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya bertujuan untuk membolehkan PATI yang telah berdaftar untuk bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang dibenarkan. Sehingga 8 Mac 2012, seramai 305,413 PATI telah terlibat dalam Proses Pemutihan dan mereka diklasifikasikan sebagai PATI yang telah berada secara sah di dalam negara. Bagi majikan pula, sehingga 8 Mac 2012, sebanyak 36,590 majikan telah terlibat dalam Proses Pemutihan ini.

Selaras dengan Program 6P ini juga Kerajaan telah menengguhkan pengambilan pekerja asing dari luar. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan memberi peluang kepada majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Proses Pendaftaran dan Pemutihan yang sedang dilaksanakan.

Bagi tujuan ini, pihak Kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat dan peraturan di bawah Program 6P yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- i) Membuka semula subsektor-subsektor di bawah sektor perkhidmatan yang dibekukan;
- ii) Membenarkan sektor di luar dasar sedia ada mendapatkan pekerja asing melalui proses Pemutihan yang dijalankan; dan
- iii) Melonggarkan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia untuk kelulusan pengambilan pekerja asing melalui proses Pemutihan yang dijalankan.

Langkah-langkah yang diambil ini adalah bagi memastikan majikan tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja asing dan seterusnya menjamin kelancaran operasi di sektor masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mengabaikan sektor keselamatan, politik dan sosial yang mana pertimbangan Program 6P ini juga turut mengambilkira isu lambakan dan masalah yang ditimbulkan oleh PATI di dalam negara. Justeru itu, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mendaftarkan PATI di negara ini melalui proses Pendaftaran biometrik bagi mengenalpasti jumlah PATI yang berada di negara ini. Proses Pendaftaran dan

Pemutihan di bawah Program 6P ini juga memudahkan pihak Kerajaan dalam mengenalpasti bilangan PATI yang berada di dalam Negara dan seterusnya memudahkan tindakan pemantauan oleh agensi penguatkuasaan. Selain itu, Program 6P ini juga akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan dan pengusiran terhadap PATI-PATI yang gagal mendaftar dan diputihkan. Melalui tindakan penguatkuasaan ini, Kerajaan yakin bahawa masalah kebanjiran PATI akan dapat ditangani seperti yang telah dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Program 6P ini juga memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam negara untuk pulang ke negara asal masing-masing secara sukarela bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil ke atas mereka. Di bawah Proses Pengampunan Program 6P, seramai 97,076 PATI telah pun dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Kerajaan akan terus memberi perhatian ke atas isu lambakan PATI ini agar ianya tidak menjejaskan kepentingan rakyat tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

60

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**
menyatakan

- a) Bilakah tempoh tamat yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya menukarkan meter digital di seluruh negara; dan
- b) Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengeluarkan lesen kepada syarikat lain supaya dapat mengelakkan TNB daripada terus memonopoli pasaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

TNB sedang melaksanakan program penukaran meter lama jenis elektromekanikal yang melebihi tempoh 15 tahun kepada meter jenis elektronik/digital yang baru. Program yang dijalankan secara sistematik ini dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2015. Adalah dianggarkan sejumlah 3.7 juta meter lama jenis elektromekanikal akan ditukar kepada meter jenis elektronik/ digital dalam tempoh ini. Statistik jumlah meter lama yang telah ditukar sehingga Februari 2012 ialah sebanyak 521,168 unit.

Pada masa ini, pihak Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk mengeluarkan lesen baru kepada syarikat lain selain daripada pihak TNB memandangkan pengalaman luas TNB dalam bidang pembekalan elektrik di samping memerlukan modal dan pelaburan yang besar. Namun demikian, sektor penjanaan elektrik telah dibuka kepada kepada penjana tenaga bebas (IPP) untuk beroperasi sejak awal tahun 90-an. Namun demikian, pada masa hadapan, pihak Kerajaan ada mempunyai

cadangan untuk mengeluarkan lesen kepada TNB berdasarkan aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan untuk memastikan ketelusan dalam kos pembekalan elektrik melalui pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990.

BORANG PENGESAHAN JAWAPAN PERTANYAAN PARLIMEN

Perkara / Isu	Tenaga		
Jawapan Pertanyaan	Lisan		
Dewan	Rakyat		
No.Soalan	2		
Tarikh Pertanyaan Perlu Dijawab	15 Mac 2012		
INPUT DARIPADA:			
Nama	Megat Jalaluddin bin Megat Hassan/ Desnika Efni Mat Ali		
Agensi	Tenaga Nasional Berhad/ KeTTHA		
Jawatan	Pengurus Besar (Perkhidmatan Perangkaan)		
No. Telefon	Pej: 03-79552121 HP.019-5702109/88836278		
DISEDIAKAN OLEH:			
Nama	Nor Shahbani Nordin		
Jawatan/Bahagian	KPSU(RPI)2		
No. Telefon	Pej: 03-88836278 HP:		
Tarikh			
Tandatangan			
DISEMAK OLEH:			
Nama	Jaya Singam Rajoo		
KRSU / SUB (RPI) *			
Tarikh	6 Mac 2012		
Tandatangan			
DILULUSKAN OLEH:			
sueiM—VTKSU (T)		KSU	
Tarikh	Mac 2012	Tarikh	
Tandatangan		Tandatangan	

PENTING:

1. Kelulusan adalah di peringkat SUBK, TKSU dan KSU sahaja
2. Semakan jawapan disahkan oleh SUB sahaja
3. Sila potong yang tidak berkaitan yang ditandakaff * dan isikan ruang kosong sepenuhnya

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)

SJ.B/(146.)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 15.03.2012

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai kedudukan Amanah Saham Negeri, keputusan Kabinet pada tahun 1998 yang memutuskan bahawa tidak dibenarkan menambah unit maksimum di dalam edaran bagi saham amanah yang sedia ada atau melancar skim saham yang baru:-

- (a) Apakah Kerajaan bercadang mengkaji semula keputusan itu bagi meningkatkan prestasi Amanah Saham Negeri; dan
- (b) Berikan statistik terkini semua Amanah Saham Negeri dari segi operasi, jumlah pemegang saham, nilai seunit dan lain-lain maklumat yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997, Kerajaan telah membekukan penubuhan Tabung Amanah Saham yang

JAWAPAN: ditaja oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan serta juga membekukan penambahan had saiz tabung sedia ada sehingga Disember 1998. Tindakan pembekuan diambil pada waktu itu adalah disebabkan antaranya ketidakpatuhan syarikat-syarikat pengurusan dana terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan dan kelemahan kawalan dalaman syarikat pengurusan dana. Kelemahan-kelemahan ini telah menyebabkan prestasi amanah saham yang ditaja oleh Kerajaan Negeri tidak memuaskan dan ada diantaranya terpaksa dibubarkan. Walaupun tempoh pembekuan tersebut telah berakhir, sebarang cadangan untuk menambah saiz tabung perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti terlebih dahulu.

- b) Pada masa ini, terdapat 6 Amanah Saham Negeri yang masih beroperasi dengan saiz dana keseluruhan sebanyak RM3.7 bilion seperti berikut:

Bil	Nama Saham Negeri	Saiz Diluluskan (Unit)	Dana (Juta)	Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada 31 Januari 2012 (RM)
1.	Amanah Saham Kedah	200		0.2749
2.	Amanah Saham Sarawak	750		1.0000
3.	Tabung Modal Pahang Kumpulan Bumiputera	250		0.3742
4.	Dana Johor	500		0.2509
5.	Amanah Saham Darul Iman	500		0.4324
6.	Saham Amanah Sabah	1,500		0.3165
	Jumlah	3,700		

PEMBERITAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**
LISAN

DARIPADA **DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI**
HAMZAH
JASIN

KAWASAN **15.03.2012 (Khamis)**

TARIKH NO. **62**

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan Asing yang telah diluluskan bagi tahun 2010 dan 2011 berbanding dengan negara-negara jiran, termasuk China dan India dan apakah usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sebanyak 846 projek pelaburan bagi sektor pengilangan bernilai RM56.09 billion bagi tahun 2011. Ia merupakan satu peningkatan sebanyak 19 peratus berbanding tahun 2010 yang merekodkan sebanyak 910 projek pengilangan diluluskan bernilai RM47.18 billion.

Pelaburan asing yang telah diluluskan bagi sektor pengilangan ini adalah berjumlah RM34.15 billion bagi tahun 2011 dan RM29.06 bagi tahun 2010.

Daripada jumlah tersebut, jumlah pelaburan asing sebenar yang meliputi semua sektor yang mengalir ke Malaysia pada tahun 2011 ialah RM32.925 billion berbanding dengan RM RM29.322 billion pada tahun 2010. Manakala jumlah pelaburan asing bagi 2011 ke China ialah sebanyak RM348 billion dan India sebanyak RM83 billion serta bagi tahun 2010 ke Singapura sebanyak RM117 billion, Indonesia sebanyak RM40 billion, Vietnam sebanyak RM24 billion, Thailand ialah sebanyak RM19 billion serta Filipina sebanyak RM5 billion.

Malaysia

- Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MIDA telah mengatur strategi dan usaha untuk menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara di dalam sektor-sektor bernilai tambah tinggi, industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

Strategi dan usaha Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke

- Tumpuan turut diberi terhadap sektor - sektor pasaran baru muncul ataupun *emerging market* seperti *advanced electronics'* dan semikonduktor, peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, fotonik, optoelektronik, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan terkini disamping penekanan terhadap industri-industri berintensifkan modal dan teknologi serta penglibatan R&D. Industri-industri yang disasarkan tersebut adalah selaras dengan strategi pembangunan industri dan negara seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), Rancangan Malaysia Ke - 10 (RMK 10), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (NEM).

- Antara aktiviti serta strategi penggalakan FDI yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - Mengajukan Misi Penggalakan Pelaburan / Mesyuarat Meja Bulat yang diketuai oleh Menteri dan juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di luar negara yang bertujuan untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan di dalam sektor-sektor yang disasarkan dan perkembangan maklumat terkini. Bagi tahun 2011, sejumlah 12 misi penggalakan pelaburan telah diadakan.

 - Mengajukan *Specific Project Mission* (SPM) untuk menarik pelaburan daripada industri-industri yang dikenalpasti berpotensi untuk masa

hadapan. SPM diadakan ke negara-negara yang terpilih untuk berbincang dengan syarikat-syarikat yang dikenalpasti untuk menarik mereka ke Malaysia. Untuk tahun 2011, sejumlah 34 misi SPM telah dianjurkan antaranya ke negara Jepun, Amerika Syarikat, Korea, Singapura, Taiwan dan China.

- Menganjurkan dialog bersama pertubuhan industri tempatan dan asing di dalam mengenalpasti peluang dan permasalahan tersebut dengan cara yang lebih berkesan.
- Mengambil peluang terhadap persidangan dan pameran industri di luar negara khususnya bagi industri-industri yang menjadi sasaran Kerajaan pada masa kini iaitu berteknologi tinggi dan berintensifkan modal untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi untuk projek pembesaran syarikat di rantau ini.
- Menganjurkan *Industry Leaders Programme'* dimana pemimpin yang terpilih daripada dunia perniagaan dan

industri akan dijemput ke Malaysia untuk diberi pendedahan ten tang iklim dan peluang pelaburan di Malaysia.

- Menganjurkan lawatan para wartawan asing dari penerbitan ekonomi dan perniagaan yang terulung ke Malaysia bagi tujuan mendedahkan mereka kepada maklumat terkini mengenai Malaysia, suasana pelaburan dan peluang- peluang pelaburan yang terdapat di negara ini.
- Menganjurkan beberapa Persidangan Antarabangsa di Malaysia. Untuk tahun 2011, Malaysia telah dan akan menganjurkan beberapa persidangan seperti Invest Malaysia 2011, Malaysia China Economic Trade and Investment Business Forum serta Forbes Global CEO Conference 2011. Antara objektif penganjuran persidangan-persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia di samping memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk menjalankan perniagaan di rantau ini.
- Mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat asing yang telah beroperasi di Malaysia untuk menggalakkan mereka mengembangkan operasi sediada.

Kerajaan juga terus memperbaiki polisi dan dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar pelaburan bagi menggalakkan FDI, dan diantara

langkah-langkah lain yang diambil bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pengenalan pakej-pakej insentif tambahan untuk Koridor

Pembangunan Ekonomi seperti pengecualian cukai korporat dan kebenaran mendapatkan sumber modal asing;

- ii. Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian kerajaan dan juga untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud didalam urusan diantara perniagaan Kerajaan;
- iii. Penubuhan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) yang akan membuat keputusan secara *real time* menerusi *empowerment* MIDA;
- iv. Mempertingkatkan aktiviti ' *handholding* bagi memastikan projek perkilangan dan perkhidmatan dilaksanakan seperti yang dicadangkan;
- v. Mewujudkan Pusat Sehenti (*One Stop Center*) di peringkat negeri dan Kerajaan Tempatan bagi membantu pelabur;
- vi. Melonggarkan syarat pemilikan ekuiti asing dalam 44 sub-sektor perkhidmatan. Antara sub-sektor yang diliberalisasikan adalah dalam bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, pelancongan, pengangkutan, perniagaan, komputer dan yang berkaitan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)

TARIKH

**15.03.2012
(KHAMIS)**

NO SOALAN :

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan alasan, peraturan dan dasar yang membenarkan Menteri Pertahanan menjemput blogger Papa Gomo menaiki kapal selam KD Tun Razak semasa LIMA 2012 walaupun beliau tidak layak berlayar dengan aset strategik negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam zaman global serta penyebaran maklumat melalui media konvensional mahupun media baru, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menyalurkan maklumat kepada rakyat terutama yang membabitkan aktiviti-aktiviti besar seperti Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) dan Pameran *Defence and Services Asia* (DSA).

Penyebaran maklumat ini penting agar rakyat dapat mengetahui dengan lebih cepat tentang apa yang berlaku dalam ATM. Semasa Pameran LIMA 2011 yang lalu, Kementerian Pertahanan telah memberi peluang kepada pihak media iaitu TV3, BERNAMA dan seorang blogger turut serta belayar bersama Ketua Menteri Pulau Pinang bagi melaporkan perkara yang benar mengenai kapal selam KD Tun Razak bagi menangkis fitnah pihak pembangkang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan tidak berkompromi dengan soal-soal berkaitan keselamatan dan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa membawa bersama pihak media dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti lawatan ke pasukan pengaman di Lubnan, Mindanao, Filipina dan operasi pasir di perairan Sabah dengan tujuan untuk memberi gambaran sebenar apa yang berlaku di kawasan operasi iawatan

atau kegiatan yang membabitkan ATM.

Media yang menyertai setiap misi lawatan dan kegiatan ATM adalah atas jemputan bagi memenuhi keperluan Kementerian dengan kebenaran dan kerjasama Panglima- Panglima Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Justeru itu, rombongan Ketua Menteri Pulau Pinang dan Timbalan Ketua Menteri menaiki kapal selam yang disertai media di Pameran LIMA adalah selepas kelulusan pihak Kementerian Pertahanan.

/

/ PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

/RTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYAUTARA]
TARIKH : 15 MAC 2012

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan konsesi Lebuhraya Pantai Barat:-

- (a) ditawarkan kepada anak syarikat Kumpulan Europlus Bhd. tanpa sebarang tender terbuka; dan
- (b) memerlukan kos sebanyak RM7.07 bilion dan pinjaman Kerajaan sebanyak RM2.24 bilion.

JAWAPAN

- (a) Konsesi penswastan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari

NO_SOALAN:64

Taiping ke Banting ditawarkan kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Konsortium LPB Sdn. Bhd.) iaitu syarikat yang sama yang telah menandatangani perjanjian konsesi penswastan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting dengan pihak Kerajaan pada 25 Mei 2007. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi peluang kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. kerana mengambil kira usaha-usaha dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak syarikat berhubung pelaksanaan projek ini sebelum ini.

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan kos dan terma- terma perjanjian wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADAYB DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

TARIKH 15 MAC 2012

SOALAN:

YB Dato' Zulkifli bin Noordin minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah rasional kenaikan gaji begitu tinggi bagi kumpulan tertentu dalam SBPA (terutamanya JUSA C) tetapi terlalu sedikit bagi Kumpulan 54 ke bawah sedangkan YAB Perdana Menteri mengumumkan kenaikan hanya 7-13 peratus sahaja; dan
- (b) adakah cadangan untuk membenarkan kumpulan pelaksana dari kategori bukan teknikal diberi cuti belajar bergaji penuh dan apakah

NO.SOALAN: 65

perancangan Kerajaan berkaitan kakitangan kontrak di sektor awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak dalam **Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Bersama YAB Perdana Menteri** pada 8 Mac 2012 (Khamis), struktur saraan baru Perkhidmatan Awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan, Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambahbaik seperti berikut:

- a) pelarasan gaji 7 - 13% berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM) SSM mengikut peratusan bagi gred-gred tertentu;
- b) struktur gaji JGM di bawah SSM dipinda kepada Jadual Gaji Minimum - Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 - 54 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred manakala KGT bagi JUSA dan ke atas ditetapkan

kekal menggunakan KGT SSM dengan diberi pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan;

- c) kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan manakala bagi Kawasan Lain dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan;
- d) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM; dan
- e) keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berasaskan prinsip *time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dikekalkan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Di bawah inisiatif Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), Kerajaan telah bersetuju menyediakan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada Kumpulan Pelaksana sama ada teknikal atau bukan teknikal bagi mengikuti latihan kemahiran teknikal dan vokasional di bawah Skills Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan SBPA telah dibatalkan, JPA akan mengkaji kesesuaian kemudahan ini dipanjangkan dalam penambahbaikan

Sistem Saraan Malaysia (SSM) kelak.

Bagi pegawai kontrak, Kerajaan melalui Ketua Jabatan dan pegawai penyelia sentiasa memberi galakan kepada mereka untuk memohon jawatan tetap kepada Suruhanjaya Perkhidmatan bersesuaian dengan minat dan kelayakan akademik yang dimiliki. Pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat secara kontrak boleh dimanfaatkan terutamanya semasa melalui tapisan pengambilan tetap yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan. Selain itu, ada juga jabatan Kerajaan yang mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan syarikat swasta supaya pegawai kontrak diberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Walau apa pun galakan dan inisiatif oleh Kerajaan, langkah-langkah tersebut tidak meletakkan obligasi dan tanggungjawab di pihak Kerajaan untuk bertindak sebagai pihak pencari pekerjaan bagi pegawai kontrak mahu pun menimbang untuk menyerap terus pegawai kontrak tanpa perlu melalui tapisan pengambilan oleh Suruhanjaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
Sekian, terima kasih. LISAN

TARIKH 15 MAC 2012 (KHAMIS)
DARIPADA Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

SOALAN(66)

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pengeluaran lesen hiburan oleh Majlis Perbandaran Muar dari 2000 ke 2012 berdasarkan pecahan tahunan:-

- a) jumlah lesen hiburan yang dikeluarkan; dan
- b) jumlah lesen hiburan yang digantung dan alasan mengapa ia digantung.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen aktiviti hiburan dikeluarkan sama ada oleh Pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui peruntukan di bawah Enakmen Hiburan Negeri masing-masing.

Bagi Negeri Johor, lesen hiburan dikeluarkan oleh Pejabat Daerah. Jumlah lesen hiburan yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Muar dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah sebanyak **13 lesen** dan jumlah lesen yang digantung bagi tempoh yang sama adalah sebanyak **63 lesen**.

Di antara sebab-sebab lesen digantung adalah kerana lesen tidak diperbaharui dan permohonan lesen ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan kerana tidak memenuhi syarat-syarat lesen.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2012

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 15 MAC 2012

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada YAB. Perdana Menteri akan mengarahkan semua anggota Jemaah Menteri dan Timbalan serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam membuat pengisytiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah serta dipaparkan di dalam rangkaian laman web rasmi jabatan masing-masing untuk menunjukkan integriti dan hasrat Kerajaan dalam memerangi gejala rasuah yang amat serius.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa serius dalam membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di negara ini. Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan juga

amat mengambil berat mengenai integriti anggota Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri. Sehubungan dengan itu, semua Anggota Pentadbiran Persekutuan telah diarah untuk mengemukakan pengisytiharan harta bagi diri dan ahli keluarga terdekat kepada YAB Perdana Menteri. Pengisytiharan harta ini telah dimulakan sejak beberapa tahun lalu dan ianya dibuat secara Perakuan Bersumpah (statutory declaration). Bagi mengukuhkan lagi, YAB Perdana Menteri semasa merasmikan Program Pegawai Integriti Bertauliah pada 27 Februari 2012 telah bersetuju agar Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diberikan akses terhadap dokumen perisytiharan harta semua Anggota Pentadbiran Persekutuan.

Bagi anggota Pentadbiran Awam pula, mereka tertakluk kepada peraturan yang menghendaki setiap penjawat awam mengisytiharkan pendapatan dan harta yang dimiliki seperti dinyatakan di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi membolehkan Ketua Jabatan memantau taraf kehidupan pegawai sama ada seimbang atau tidak dengan emolumen atau pendapatan rasminya yang sah serta boleh mengarahkan pegawainya dari semasa ke semasa mengisytiharkan harta masing-masing.

JAWAPAN:

f/0 • SoVCAAA £ g*

NO. AUM:

55.

NO. AUP:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

Y. B MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

DARIPADA

15 MAC 2012

TARIKH

4454

RUJUKAN

~~SOALAN~~

Y.B Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah bukan warganegara termasuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah diberikan taraf kewarganegaraan semenjak tahun 2008 mengikut negara asal dan jumlah setiap tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gombak yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, jumlah warganegara asing yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2008 sehingga Februari

2012 adalah seramai 30,290 orang. Namun yang demikian, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah tidak layak untuk memohon taraf kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian tidak merekodkan permohonan taraf kewarganegaraan mengikut negara asal. Statistik pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	JUMLAH
1.	2008	1,185
2.	2009	4,777
3.	2010	15,182
4.	2011	8,340
5.	2012 (Sehingga Februari 2012)	806
JUMLAH KESELURUHAN		30,290

JAWAPAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAHI]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

15 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 69

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menyusun semula Indah Water Konsortium (IWK) dan bagaimana Kerajaan menangani masalah hutang yang besar oleh IWK.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan ketika ini sedang dalam proses melaksanakan penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Pembedungan Negara ke arah menjadikannya sebuah industri yang mapan, telus dan berdaya maju. Pelaksanaan penstrukturan ini turut melibatkan penyusunan semula Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Kerajaan berharap melalui penstrukturan ini, Industri Perkhidmatan Pembedungan Negara dapat dimantapkan dan masalah tunggakan hutang IWK akibat dari keengganan pengguna menjelaskan bil perkhidmatan yang telah dinikmati serta kadar tarif semasa yang rendah dapat diambil kira dan ditangani sebaiknya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

TARIKH 15 MAC 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah sebenar peruntukan yang boleh dibelanjakan dari Jabatan Perdana Menteri untuk Parlimen Ketereh bagi tahun 2011. Nyatakan secara terperinci jumlah projek dan pecahan mengikut kategori peruntukan yang telah digunakan bagi Parlimen Ketereh dalam tahun 2011.

JAWAPAN

Bagi kawasan Parlimen Ketereh, sebanyak RM300,000.00 telah dibelanjakan bagi melaksana 50 program/projek di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen tersebut pada Tahun 2011. Butiran perbelanjaan mengikut kategori program/projek adalah seperti berikut:

BIL		BIL PROGRAM/ PROJEK	KOS (RM)
1	PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYAAN	39	212,920.00
2	PEMBEKALAN BARANGAN (KOMPUTER, ALAT SIARAYA, BEG, KERUSI DAN LAIN-LAIN)	7	73,080.00
3	BANTUAN/SUMBANGAN NGO	2	10,000.00
4	PROJEK FIZIKAL - NAIK TARAF JALAN (<i>CRUSHER RUN</i>) - NAIK TARAF MADRASAH	1 1	2,000.00 2,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			300,000.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

BAGI JAWAB LISAN
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]

TARIKH

15 Mac 2012 (Khamis)

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta KEMENTERIAN PENGANGKUTAN menyatakan jumlah hutang Lembaga Pelabuhan Kelang yang masih tertunggak bagi projek PKFZ setakat ini. Bagaimana Kementerian dapat memastikan agar LPK berdaya membayar balik hutang berkenaan mengikut jadual dan kadar faedah yang ditetapkan, memandangkan sumber pendapatan LPK melalui PKFZ itu masih belum dapat menampung beban hutang itu.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga Disember 2011, Lembaga Pelabuhan Kelang telah membuat pengeluaran pinjaman Kerajaan sebanyak RM2.6 billion.

Berhubung dengan keupayaan Lembaga Pelabuhan Kelang bagi membayar balik pinjaman tersebut, salah satu opsyen adalah Lembaga Pelabuhan Kelang memohon kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula terma-terma dan syarat pinjaman berkenaan.